

"MEMPRODUK belia yang baik memerlukan mekanisme istimewa yang bersumber daripada ajaran Al-Quran, iaitu menyuruh mereka berbuat taat dan beramal soleh.

Kalau ada ini, barulah dapat dianggap mereka itu sebagai belia yang ideal dan unggul."

- Titah Sempena Majlis Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-5 Tahun 1432 Hijrah / 2011 Masihi.



Pelita BRUNEI

قَلْبِي فِي سَبِيْلِ مَلِكِي

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DARIPADA Zaid bin Khalid al-Juhaniy berkata : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesiapa memberi makan orang-orang yang berpuasa, maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa tersebut, tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun juga." - (Riwayat Imam At Tarmizi).

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.47	6.33	7.48

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 71

14 JUN 2017 / 1438 رمضان 19

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan hantar perutusan tahniah



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama The Right Honourable Theresa May, MP, berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland baru-baru ini.

Di dalam titah perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap untuk bekerja bersama dengan Puan Yang Terutama dalam memperkukuhkan kerjasama yang amat bernilai dan persahabatan akrab yang telah sekian lama terjalin di antara kedua-dua buah negara dan rakyat masing-masing.

Pada mengakhiri titah perutusan berkenaan, baginda menyampaikan salam muhibah kepada Puan Yang Terutama.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Right Honourable Theresa May, MP, berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Perdana Menteri United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.

Derma darah selamatkan nyawa

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Jun. - Menderma darah adalah salah satu perkhidmatan sosial yang paling penting kepada manusia.

Orang yang normal dan sihat boleh menderma darah berkali-kali terutama dalam lingkungan umur 18 hingga 60 tahun.

Melalui derma darah, kita boleh membantu pelbagai orang yang memerlukan dan menyelamatkan nyawa yang berharga.

Satu derma darah boleh menyelamatkan tiga nyawa. Tidak kira bagaimana kemajuan sains dan teknologi, setakat ini, usaha yang dibuat oleh ahli sains untuk membangunkan darah tiruan masih belum berhasil.

Perkara itu terkandung dalam

perutusan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi sempena Hari Derma Darah Sedunia 2017.

Dalam perutusan Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tema untuk Hari Derma Darah Sedunia tahun ini, 'Apa yang boleh anda lakukan? Beri darah. Beri sekarang. Berikan selalu', iaitu menekankan memberi tumpuan kepada derma darah dalam keadaan kecemasan.

Dalam krisis atau keadaan kecemasan, tindak balas semula jadi manusia adalah "Apa yang boleh saya lakukan? Bagaimana saya boleh membantu?"

Kehilangan darah akibat daripada kecederaan trauma boleh membawa kepada kematian.

Tegas Yang Berhormat, kita tidak mahu menunggu sehingga bencana untuk menderma darah.

Bersedia adalah cara untuk dituju, supaya mereka yang memerlukan darah akan mempunyai peluang yang tinggi untuk hidup.

Dalam perutusan tersebut juga menjelaskan, pada tahun 2016, Negara Brunei Darussalam telah menerima sebanyak 13,037 penderma darah termasuk 3,495 penderma darah yang baru berdaftar.

Walaupun dengan jumlah tersebut, negara ini masih menghadapi cabaran kekurangan bekalan darah.

Yang Berhormat menyeru agar lebih ramai penderma darah di negara ini untuk tampil ke hadapan dan menjadi penderma tetap bagi memastikan bekalan darah kekal mencukupi, selamat dan mampan.

Ke muka 5



Muka 3

BIBD serahkan zakat kepada MUIB

Muka 4

GOLONGAN OKU, KRK diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Hargai dan ingati 'sejarah besar' Nuzul Al-Quran

Assalamu'alaikum
Wahramatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee
Ajma'een, Waba'du

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul lagi di majlis yang berkat ini. Perkumpulan ini lebih bererti lagi, kerana ia berlangsung dalam bulan Ramadan yang mubarak.

Nuzul Al-Quran adalah satu sejarah, di mana memperingati atau menyambutnya adalah sama dengan menghargai sejarah.

Nuzul Al-Quran adalah 'sejarah besar'. Umat Islam tidak patut mengabaikannya. Adapun nilai sejarah itu, lebih-lebih lagi jika ia berkaitan dengan Islam, adalah harganya terlalu tinggi, kerana sifatnya yang luhur, berbanding dengan lain-lain sejarah.

Sejarah adalah cermin zaman dan kehidupan. Daripadanya kita mengenali corak zaman dan kehidupan itu. Ia mesti sentiasa terbuka atau dibuka, kerana jika pintu sejarah tertutup atau ditutup, maka ini, boleh menjadikan orang buta sejarah. Bayangkanlah, kalau kita umat Islam ini tidak kenal sejarah Islam, di manakah kita selaku orang Islam itu?

Kerana itu, beta pernah menekankan, supaya semua Hari-Hari Kebesaran Islam hendaklah disambut dan dibesarkan, kerana ia adalah sebahagian daripada sejarah Islam itu sendiri.

Berbalik kepada Al-Quran. Negara Brunei Darussalam telah pun sekian lamanya memulakan pembelajaran Al-Quran, bermula dari sistem tidak formal sehingga kepada sistem formal melalui sekolah-sekolah agama dan sekolah-sekolah satu mata pelajaran kerajaan dan bukan kerajaan, dari peringkat rendah hingga ke peringkat tinggi.

Selain dari belajar Al-Quran di sekolah-sekolah hingga ke peringkat tinggi, membaca Al-Quran juga diserapkan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan sebagai amalan harian sebelum pegawai-pegawai dan kakitangan memulakan tugas masing-masing.

Perkara ini dilihat, supaya membaca Al-Quran itu menjadi budaya kepada orang-orang Brunei, sambil juga bertabarruk dengannya, selaku ia adalah penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Kita menyedari, pada zaman ini, orang-orang yang membaca Al-Quran, berbanding dengan yang membaca bahan-bahan bacaan lain, tentu saja yang membaca Al-Quran adalah lebih sedikit jumlahnya. Kerana Al-Quran itu ditulis dan dibaca dalam bahasa Arab, yang memerlukan ianya dipelajari dengan lebih



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

teknik dan sabar. Kerana itu tidak heran, kalau orang lebih memilih bahan bacaan lain daripada Al-Quran.

Maka menyedari hal inilah, kerajaan beta tanpa kendur-kendurnya, terus mempromosi belajar Al-Quran itu dari peringkat bawah lagi sampai ke peringkat atas, dan juga secara berterusan mengadakan rancangan-rancangan penggalak bagi kemahiran membaca dan menghafaz Al-Quran. Bagi Brunei, kita tidak mahu bidang-bidang lain sahaja yang maju, sedang bidang Al-Quran dan agama tertinggal di belakang.

Ini tidak boleh berlaku di Brunei. Di Brunei, pelajaran agama dan Al-Quran itu tidaklah boleh dipandang ringan dengan sebelah mata sahaja. Ia mesti selamalamanya unggul dan menyerlah, sesuai dengan tarafnya selaku agama dan Kalam Allah.

Kerana itu kita mahu, supaya tenaga-tenaga petugas, pentadbir dan pemegang dasar dalam perkara ini hendaklah memiliki pandangan jauh, bersemangat keislaman tulen dan bukannya

lemah serta sempitpikiran atau lebih mementingkan diri.

Satu lagi perkara penting, pihak berkenaan agama, boleh saja mendengar atau membaca pandangan-pandangan daripada siapa jua tentang pendidikan agama, tetapi bukanlah bersikap mesti mengikut atau menerima apa saja pandangan itu, walaupun ia tidak sesuai atau bertentangan dengan dasar dan seumpamanya.

Inilah namanya kita perlu konsisten untuk bertindak dan berfikir secara profesional.

Untuk akhirnya, pada kesempatan ini, beta sukacita mengucapkan tahniah kepada peserta yang berjaya mendapat tempat di Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Negara dan Peringkat Negara Anggota MABIMS. Mudah-mudahan dengan adanya usaha seperti ini akan mengukuhkan lagi penghayatan dan kemantapan hafalan setiap peserta.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

NUZUL Al-Quran adalah satu sejarah, di mana memperingati atau menyambutnya adalah sama dengan menghargai sejarah.

Nuzul Al-Quran adalah 'sejarah besar'. Umat Islam tidak patut mengabaikannya. Adapun nilai sejarah itu, lebih-lebih lagi jika ia berkaitan dengan Islam, adalah harganya terlalu tinggi, kerana sifatnya yang luhur, berbanding dengan lain-lain sejarah.

Dari Sidang Pengarang.

14 JUN 2017 BERSAMAAN 1438 رمضان 19

ZAKAT FITRAH SATU KEWAJIPAN

ZAKAT Fitrah merupakan kewajipan fardu ain ke atas setiap orang Islam. Zakat Fitrah bermaksud zakat diri yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim lelaki dan perempuan dalam bulan Ramadan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan manakala dari segi bahasa pula bermaksud bersih, suci, subur dan berkembang.

Kewajipan mengapa ia dilaksanakan di bulan Ramadan adalah bertujuan untuk membersihkan dan menyucikan jiwa orang-orang yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia dan kutipan wang Zakat Fitrah tersebut digunakan untuk diagih-agihkan kepada asnaf-asnaf tertentu seperti asnaf fakir, asnaf miskin dan asnaf muaf sebagai membantu mereka membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Ini adalah di antara keindahan Islam di sebalik penyiaran sesuatu ibadah kepada penganutnya. Sesungguhnya peranan zakat dalam membina sosio ekonomi dan sosial masyarakat Islam amatlah penting dan mesti dihayati sepenuhnya oleh setiap Muslim.

Zakat Fitrah difardukan pada tahun kedua hijrah, iaitu pada tahun yang sama difardukan kewajipan puasa Ramadan. Mengeluarkan Zakat Fitrah hukumnya adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang merdeka dan mampu mengeluarkannya pada waktunya. Bagi Negara Brunei Darussalam, kadar Zakat Fitrah adalah berdasarkan harga dua jenis beras yang biasa dimakan di negara ini dengan kadar sukatan sebanyak 2 kilogram 268 gram, iaitu Beras Wangi BND2.84 sen manakala bagi beras siam pula adalah BND1.93 sen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mentauliahkan seramai 323 orang amil-amil zakat sesuai dengan kehendak syarak dan peruntukan undang-undang dalam perkara mengutip dan mengagihkan zakat, iaitu seramai 190 orang bagi Daerah Brunei dan Muara, 25 orang bagi Daerah Belait, 49 orang untuk Daerah Tutong dan seramai 23 orang amil bagi Daerah Temburong. Di samping itu, terdapat juga 36 orang amil yang bertugas di Pejabat Majlis Ugama Islam.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap pada Majlis Penyampaian Tauliah Amil 1438 Hijrah / 17 Mei 2017 Masihi bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah menjelaskan undang-undang memperuntukkan bahawa memungut atau mengutip dan menyelesaikan zakat sehingga kepada asnafnya adalah kuasa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dan kuasa baginda itu ditugaskan kepada Majlis Ugama Islam untuk menjalankannya. Oleh itu kata Yang Berhormat, urusan zakat adalah urusan negara dan kerajaan yang dipimpin oleh baginda. Dari segi hukum syarak ia termasuk dalam tanggungjawab dan kuasa raja yang memerintah.

Justeru itu, sayugialah amil-amil yang dilantik akan melaksanakan tanggungjawab yang telah diamankan kepada mereka dengan baik dan sempurna untuk menjadi amal soleh dan meraih ganjaran pahala dan balasan baik di dunia dan di akhirat dan sebaliknya jika ia disalahgunakan dan tidak dilaksanakan sebagaimana yang diaturnya akan mendatangkan dosa dan akibat-akibat buruk dunia dan akhirat. Untuk memudahkan orang ramai mengetahui senarai nama-nama amil bagi seluruh Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1438-1439H / 2017-2018M mereka bolehlah merujuk Akhbar Pelita Brunei keluaran 10 Jun 2017.

Zakat Fitrah wajib dikeluarkan apabila terbenam matahari akhir 30 Ramadan sehingga terbit matahari esuknya dan adal dikeluarkan sebelum Sembahyang Hari Raya Aidilfitri. Walau bagaimanapun ia sunat dikeluarkan sepanjang bulan Ramadan, iaitu mulai hari pertama bulan Ramadan untuk mengelakkan daripada kelalaian. Zakat Fitrah akan menjadi makruh jika dibayar selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri sehingga terbenam matahari pada 1 Syawal dan hukumnya adalah haram bagi mereka yang mengeluarkan Zakat Fitrah selepas terbenamnya matahari pada 1 Syawal. Semoga kita akan dapat melaksanakan kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah tahun ini untuk diri sendiri dan merekayang di bawah tanggungan dengan sempurnanya. - Ketua Penyunting (Nh).

Ramadan Cuaca 3 Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C ☁️ 25°C	32°C ☁️ 25°C	32°C ☁️ 25°C
MUSA		
32°C ☁️ 25°C	31°C ☁️ 25°C	32°C ☁️ 24°C
PERAN BANGAR		
32°C ☁️ 25°C	31°C ☁️ 25°C	31°C ☁️ 24°C
PERAN TUTONG		
32°C ☁️ 26°C	32°C ☁️ 25°C	32°C ☁️ 25°C
PERAN SERIA		
32°C ☁️ 25°C	32°C ☁️ 26°C	32°C ☁️ 25°C
MUSA BELAIT		
32°C ☁️ 26°C	32°C ☁️ 25°C	31°C ☁️ 26°C

Talian 114

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JUN	HARI	Hijrah RAMADAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14	RABU	19	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.47	6.33	7.48
15	KHAMIS	20	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
16	JUMAAT	21	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
17	SABTU	22	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
18	AHAD	23	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
19	ISNIN	24	4.34	4.44	6.09	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
20	SELASA	25	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
-------------------------	------------------------	---------------------	---------------------	--------------------------	--	------------------------

Md. Hakim Imanuddin, Nur Wafiqah Farisha johan Pertandingan Akhir Menghafaz Ayat-Ayat Lazim



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman (empat, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Pertandingan Akhir Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan sempena Sambutan Nuzul Al-Quran 1438 Hijrah / 2017 Masihi.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan hadiah kepada johan peserta lelaki, Awang Md. Hakim Imanuddin bin Asrawih dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Kluster 3.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

GADONG, Selasa, 13 Jun. - Alunan merdu hafazan surah lazim yang dipersembahkan melayakkan Awang Md. Hakim Imanuddin bin Asrawih dari Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Kluster 3 dan Dayang Nur Wafiqah Farisha binti Ricki dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kluster 4 masing-masing muncul johan bagi Kategori Lelaki dan Perempuan pada Pertandingan Akhir Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan sempena Sambutan Nuzul Al-Quran 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang

Haji Suyoi bin Haji Osman.

Majlis berlangsung di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, di sini.

Naib johan disandang oleh Awang Md. Khairi bin Abdullah Khaeirul Azli dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam Serasa, Kluster 4 dan Dayang Noraini binti Abdullah Razak dari Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja Mentiri, Kluster 4.

Tempat ketiga masing-masing dimenangi oleh Awang Md. Hafiz Marzuki bin Marsal dari Sekolah Menengah Tanjung Maya, Kluster 5 dan Dayang Siti Nurhalizah binti Awang Haji Ahmad Kamal dari Sekolah Menengah Rimba, Kluster 4.

Terdahulu, Pemangku Ketua Unit

Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa pertandingan itu adalah julung kalinya diadakan yang diselenggarakan oleh Unit Pendidikan Khas di bawah Program Pendidikan Islam dan Moral.

Sejumlah 37 pelajar terdiri daripada pelajar yang mempunyai keterbatasan deria penglihatan, autisme, keperluan dari segi pembelajaran dan dari segi fizikal menyertai pertandingan ini namun hanya 12 pelajar dari Kategori Lelaki dan Perempuan terpilih di peringkat akhir tersebut.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Zikir Taubat yang dipersembahkan oleh Kumpulan Abna'ul Firdaus, iaitu kumpulan pelajar-pelajar berkeperluan khas dari beberapa buah sekolah menengah dari keempat daerah.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menyampaikan hadiah kepada johan peserta perempuan, Dayang Nur Wafiqah Farisha binti Ricki dari Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kluster 4.

BIBD serahkan zakat kepada MUIB



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Presiden MUIB (kanan) semasa menerima replika cek kutipan Zakat Perniagaan BIBD bagi Tahun 2016 Masihi daripada Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menyerahkan zakat berjumlah BND3,349,287.17 yang terdiri dari Zakat Perniagaan

bagi Tahun Kewangan 2016 dan Zakat Wang Simpanan Pelanggan BIBD sebanyak BND474,336.74 kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menerima replika Zakat Wang Simpanan Pelanggan BIBD daripada Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar.

Majlis Penyerahan Zakat-Zakat berkenaan berlangsung di Bilik Dhiyafah, Bangunan Baru Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan diterima oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku

Presiden MUIB.

Pada majlis itu, Zakat Perniagaan diserahkan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD.

Manakala Zakat Pelanggan BIBD

2016 / 2017 pula diserahkan oleh Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud serta pegawai-pegawai KHEU dan BIBD.

Majlis Khatam Al-Quran Kementerian Pembangunan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah (tengah) semasa hadir mengetuai rombongan pada Majlis Khatam Al-Quran, Bertahlil dan Berbuka Puasa di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun - Bagi menyemarakkan lagi bulan yang penuh dengan keberkatan ini, Kementerian Pembangunan dan

jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Bertahlil dan Berbuka Puasa di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, di sini.

Hadir mengetuai rombongan berkenaan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah.

Majlis juga turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Setiausaha Tetap (Teknikal dan Professional), Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin serta ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit serta para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan penyerahan wakaf berupa dua unit dispenser air yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan diterima oleh Imam masjid berkenaan, Awang

Faizal bin Rosli.

Majlis diteruskan dengan Khatam Al-Quran yang didahului oleh Yang Berhormat dan disusuli dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Majlis diakhiri dengan Majlis Berbuka Puasa bersama-sama dan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Majlis Khatam Al-Quran ini menandakan berakhirnya pembacaan Al-Quran 30 Juzuk dari warga Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu, Majlis Bertadurus kementerian berkenaan diadakan di Masjid Universiti Brunei Darussalam pada 7 Jun 2017 dan juga di kediaman Timbalan Menteri Pembangunan pada 10 Jun 2017 yang lalu.

Golongan OKU, KRK diraikan dalam Majlis Berbuka Puasa

GADONG, Selasa, 13 Jun. - Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) diraikan dalam satu Majlis Berbuka Puasa yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan isteri.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos; Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan KKBS.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dan diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada penghuni KRK dan para murid serta pelatih Pusat Bahagia. Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri.

Turut menyampaikan sumbangan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa beramah mesra bersama golongan OKU dan penghuni KRK.

yang berupa kewangan dan barangan asasi adalah wakil daripada Kumpulan Isteri-Isteri Menteri-Menteri Kabinet, Isteri-Isteri Timbalan-Timbalan Menteri, Isteri-Isteri Setiausaha Tetap - Setiausaha Tetap, Isteri-Isteri Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ahli Bersekutu, Syarikat DST Sendirian Berhad, Syarikat

PCSB Sdn. Bhd., Syarikat Nazmi Textile, The Rizqun International Hotel bersama wakil penyumbang dan penderma persendirian yang turut membiayai Majlis Berbuka Puasa tersebut.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jemputan yang lain seterusnya berpeluang beramah mesra bersama



PARA jemputan semasa beramah mesra bersama golongan OKU dan penghuni KRK.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

149 pelatih dan murid OKU di Pusat Bahagia dan 64 penghuni KRK.

Majlis tersebut merupakan aktiviti tahunan KKBS untuk meraikan golongan OKU dan penghuni KRK sekali gus meningkatkan penglibatan

dan sokongan masyarakat kepada mereka melalui pendekatan *whole of nation* termasuk peringkat individu dan korporat turut sama menyumbang dan beramal secara khusus di bulan Ramadan yang mulia ini.

Wacana Pendidikan Al-Quran akan diadakan 15 Jun ini

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Usuluddin buat julung kalinya akan mengadakan Wacana Pendidikan Al-Quran sempena Sambutan Nuzul Al-Quran 1438 Hijrah pada Khamis ini, 15 Jun 2017 bertempat di Dewan Tarbiyyah, KUPU SB.

Nadwah bertemakan 'Al-Quran Pendidik Sepanjang Zaman' ini bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan Al-Quran dan kandungannya dalam kalangan warga KUPU SB dan juga masyarakat luar.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mendidik para peserta supaya

sentiasa mendampingi Al-Quran dan membacanya setiap hari serta menimbulkan kecintaan terhadap Al-Quran sekali gus membina serta memantapkan ukhuwah Islamiah antara warga kolej dengan masyarakat.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Mohd. Omar, selaku Pengerusi Majlis semasa Sidang Media yang berlangsung di KUPU SB, di sini.

Menurut beliau, sebanyak enam kertas kerja akan dibentangkan yang akan disampaikan oleh tenaga pengajar KUPU SB pada hari tersebut.

"Sektor awam, swasta, pelajar dan



DEKAN Fakulti Usuluddin, KUPU SB, Awang Haji Mohd. Azmi bin Haji Mohd. Omar, selaku Pengerusi Majlis semasa Sidang Media yang berlangsung di KUPU SB.

orang awam adalah dialu-alukan hadir untuk sama-sama menghadiri Nadwah Nuzul Al-Quran,"

tambahnya.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi pihak

Sekretariat, Awang Haji Satia bin Haji Sibau melalui talian +6738958294.

Kementerian Kesihatan terus semarak Ramadan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berlangsung di Surau As-Salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUTONG, Selasa, 13 Jun. - Seramai sembilan anak yatim daripada warga kakitangan dan pegawai Kementerian Kesihatan di Daerah Tutong menerima sumbangan derma bertempat di Surau As-Salam, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Terlebih dahulu majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan majlis bertadarus dan diselajurkan dengan majlis penyampaian derma.

Majlis Bertadarus ini merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan yang diadakan secara

bergilir di keempat-empat daerah dalam sama-sama menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang penuh rahmat ini, di samping dapat mengeratkan silaturahim di antara warga Kementerian Kesihatan dengan warga Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Sebelum ini, rombongan Kementerian Kesihatan telah mengadakan majlis serupa di daerah Temburong pada 8 Jun dan Daerah Brunei dan Muara pada 10 Jun lalu.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Ketua-Ketua Fungsi serta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Derma darah selamatkan nyawa

Siaran Akhbar dan Infografik :
Kementerian Kesihatan

Dari muka 1

memerlukan rawatan perubatan kecemasan.

Pusat Derma Darah dan Darah Bank di hospital-hospital di kesemua daerah menyediakan perkhidmatan derma darah dalam persekitaran yang selesa dan menyenangkan melalui sistem pengurusan darah selamat.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa bekerjasama dengan rakan-rakan di agensi-agensi kerajaan yang lain, institusi pendidikan, pasukan beruniform, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk menyelaras kempen derma darah di negara ini.

Dalam Perutusan Yang Berhormat juga menyentuh mengenai objektif global Hari Derma Darah Sedunia ini adalah sangat relevan dan selaras dengan keutamaan strategik Kementerian Kesihatan iaitu

"Kesihatan adalah urusan semua orang," meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit.

Menurut Yang Berhormat, setiap penderma darah adalah seorang wira kepada semua yang menerima darah, Alhamdulillah, derma darah mereka adalah hadiah yang luar biasa kepada kehidupan manusia.

Darah yang anda berikan adalah talian hayat dalam keadaan kecemasan dan untuk orang yang memerlukan rawatan jangka panjang.

Sebagai penghargaan kepada sumbangan darah yang kerap, Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan tahniah, penghargaan dan terima kasih kepada usaha-usaha penderma darah dengan sukarela termasuk generasi muda yang berani menderma darah dengan berusia 17 tahun.

Sumbangan anda adalah sumbangan menyelamatkan nyawa!

Selain itu, menderma darah jelas Yang Berhormat, boleh membantu membakar kalori dan juga menghalang muatan besi dalam darah. Pengurangan tahap besi dalam badan jelas mengurangkan risiko mendapat penyakit kanser adalah rendah. Menderma darah yang kerap juga boleh mengurangkan risiko mendapat penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung dan kanser.

Kementerian Kesihatan terus menyokong dan mengukuhkan kapasiti perkhidmatan kesihatan untuk persediaan dan tindak balas kecemasan, termasuk keupayaan untuk mempunyai bekalan darah yang mencukupi terutama bagi pemindahan darah pada pesakit yang

SM RIPAS anjurkan Hari Amal Jariah

Siaran Akhbar :
Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong

TUTONG, Selasa, 13 Jun. - Sempena bulan Ramadan yang berkat ini, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Tutong buat pertama kalinya mengadakan Hari Amal Jariah bertempat di Dewan sekolah berkenaan, di sini.

Menurut Siaran Akhbar SM RIPAS, Tutong, program tersebut untuk membantu warga sekolah

yang kurang mampu dari segi keperluan asas, di samping mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan warga sekolah dan juga penduduk kampung di bawah tadahan SM RIPAS.

Jenis barang-barang yang diagihkan adalah seperti pakaian, perkakas rumah seperti pinggan mangkuk, gelas dan sebagainya

serta makanan asasi seperti beras, gula dan minyak.

Barang-barang tersebut didermakan kepada penuntut-penuntut di bawah skim Miftahun Najaah dan penduduk kampung yang memerlukan dengan pemberian kupon.

Semua sumbangan diperoleh daripada warga sekolah, ibu bapa, pelajar dan orang awam.

Dalam pada itu, pihak sekolah mengharapkan semoga sumbangan yang diberikan akan sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mereka yang memerlukan.

Hari Derma Darah Sedunia 2017

14 Jun

Apa Yang Dapat Awda Lakukan?
Beri Darah. Beri Sekarang. Beri Sekerapnya

Kehilangan darah akibat cedera trauma boleh membawa pada kecederaan berpanjangan ataupun kematian

Jangan tunggu hingga berlakunya krisis atau bencana untuk menderma darah

Lebih **1%** penduduk negara ini adalah penderma darah

1 pendermaan darah boleh menyelamatkan **3 nyawa**

13,037 penderma darah telah dicatatkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016*

3,495 penderma darah baru telah didaftar

Sokongan berterusan awda untuk menderma darah dapat memastikan bekalan darah di Brunei sentiasa **mencukupi, selamat dan mampan**

Faedah-faedah utama menderma darah

- Mengurangkan berlakunya keterlebihan kandungan zat besi di dalam darah
- Mengurangkan risiko penyakit jantung dan kanser
- Membakar kalori
- Memberi saringan pada tahap hemoglobin & penyakit-penyakit berjangkit

www.moh.gov.bn

123

118 terima agihan zakat barangan asasi



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang juga selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam semasa menyerahkan agihan zakat berupa barangan asasi kepada salah seorang ketua keluarga asnaf fakir miskin yang terpilih.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Seramai 118 ketua keluarga Asnaf Fakir dan Miskin yang terpilih di Daerah Brunei dan Muara menerima agihan zakat berupa barangan asasi. Pengagihan tersebut diadakan serentak di ketiga buah masjid bersempena Ramadan tahun ini.

Majlis penyerahan agihan yang dijalankan secara berasingan itu antaranya tertumpu di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan.

Hadir menyampaikan agihan tersebut kepada 54 ketua keluarga disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji

Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang juga selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam.

Sementara penyerahan kepada 38 penerima di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong pula disempurnakan oleh Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah, selaku Ahli Majlis Ugama Islam.

Manakala bagi 26 ketua keluarga pula, majlis pengagihan diadakan di Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun yang disampaikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Misle bin Haji Abdul Karim yang juga selaku Ahli Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat.

Barangan asasi yang diagihkan

berupa beras, minyak, gula dan sebagainya itu secara keseluruhannya bernilai BND5,900 yang diambil daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop semasa ditemu bual menjelaskan, pengagihan yang dijalankan di masjid-masjid itu untuk menggalakkan para penerima untuk sama-sama menunaikan sembahyang fardu berjemaah, di samping mengukuhkan ukhuwah persaudaraan sesama pihak yang terlibat.

Menurut Awang Haji Abdul Aziz, penyerahan agihan seumpamanya akan dilartakan ke lapan buah masjid di keempat-empat daerah sehingga November ini nanti dan akan diagihkan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid, Belia Masjid dan Muslimah Masjid masing-masing.

Negara hantar wakil ke Musabaqah Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah



BERADA di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada wakil negara yang menyertai Musabaqah Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah bagi Lelaki Ke-25 bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Quran di Amman, Jordan ialah Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Awang Haji Madzne bin Md. Noor.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Negara Brunei Darussalam kali ini menghantar wakil untuk menyertai Musabaqah Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah bagi Lelaki Ke-25 bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Quran di Amman, Jordan bermula 20 - 26 Ramadan 1438 Hijrah bersamaan dengan 15 hingga 21 Jun 2017.

Wakil negara, Awang Mohammad Irma Hazmie bin Haji Metussin merupakan

seorang tenaga pengajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) telah berlepas meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), Berakas, diiringi oleh Pengurus merangkap Pembimbing, Awang Muhammad Adlan Aziz bin Haji Yussop.

Berada di LTAB bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan tersebut ialah Ketua Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Awang Haji Madzne

bin Md. Noor.

Dalam temu bual bersama Awang Mohammad Irma Hazmie, beliau menjelaskan penyertaan tersebut merupakan kali ketiga beliau dalam pertandingan antarabangsa.

Menyentuh mengenai persediaannya, beliau menyatakan telah membuat persediaan sejak bulan Mac lalu dan telah membuat ulang kaji hafazan kira-kira lima juz setiap hari.

Beliau turut melahirkan harapan untuk meraih kejayaan pada pertandingan tersebut dan seterusnya dapat mengharumkan nama negara dan menjadi kebanggaan keluarga.

MPK Kiudang anjur Program Al-Quran Nur Qalbi



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohammad Hussain semasa menyampaikan senaskhah Al-Quran dan buku catatan bacaan kepada belia yang menyertai program berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Perundingan Kampung Kiudang, Tutong

TUTONG, Selasa, 13 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang kelmarin menganjurkan Program Al-Quran Nur Qalbi, iaitu sebuah program keagamaan bagi memperkembangkan syiar Islam khususnya kepada golongan Belia-belia Kampung Kiudang bagi mendekati Al-Quran sebagai pedoman hidup mereka.

Menurut Siaran Akhbar MPK Kiudang, pelancaran program tersebut diadakan bertempat di kediaman Awang Haji Saifulbahri bin Haji Umarali (Setiausaha MPK Kiudang) dan hadir selaku tetamu kehormat Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohammad Hussain.

Hadir sama di majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, selaku Penasihat MPK Kiudang.

Seramai lebih 40 belia menyertai program berkenaan dan menerima senaskhah Al-Quran dan buku catatan bacaan masing-masing di majlis tersebut yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Setiap peserta akan membaca 1 Juzuk setiap 1 minggu dan akan dikhatamkan pada bulan November nanti.

Menerusi ucapan Pengerusi Bersama Program, Dayang Hajah Faridah binti Haji Momin, Biro Keagamaan dan Pendidikan MPK Kiudang, sejak program tersebut diperkenalkan, sambutan dan sokongan ibu-bapa para belia sangat-sangat mengalakkan.

Setiap peserta akan ditasmik bacaan mereka oleh guru-guru agama yang dilantik, yang mana aktiviti ia akan diteruskan sehinggalah para peserta menghabsiskan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Juga hadir, Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Hassan bin Amat, Penghulu Mukim Kiudang, Awang Haji Abdul Rahim bin Abdullah Yakin dan Ketua Kampong Kiudang, Awang Haji Mohd. Saiful bin Abdullah Anja.

Seramai lebih 100 orang hadir di majlis berkenaan yang diselenggarakan dengan aktiviti bertadarus dan bersungkaik.

Pemenang Minda Pembaca!



Menghayati makna, hikmah peristiwa Nuzul Al-Quran

NUZUL bermakna penurunan, manakala Al-Quran dari segi bahasa bermakna sesuatu yang dibaca, sesuai dengan al-Quran yang kekal dibaca dan diulang sehingga ke hari ini. Nuzul Al-Quran merupakan suatu peristiwa besar yang penuh makna dan hikmah. Kita seharusnya melihat Al-Quran itu sebagai kitab panduan ilmu pengetahuan untuk memajukan seluruh manusia. Bukan setakat membaca, bahkan kita harus berusaha menyelidik rahsia ilmu pengetahuan di dalamnya.

Al-Quran adalah hidayah, rahmat,

dan pemberi penjelasan bagi manusia. Segala isi kandungan Al-Quran itu adalah benar. Al-Quran merupakan mukjizat teragung yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan dan pedoman dalam kehidupan manusia.

Penurunan Al-Quran sebenarnya telah memberikan sejuta rahmat kepada manusia. Al-Quran itu adalah penawar kepada penyakit rohani dan jasmani. Sehubungan dengan itu, kita wajar bermuhasabah adakah kita

benar-benar menghayati kepentingan Al-Quran dalam kehidupan kita atau sebaliknya.

Setiap orang Islam mesti berusaha sedaya upaya untuk membaca, memahami, menghayati dan mempraktikkan keseluruhan isi kandungan Al-Quran dalam kehidupan. Tujuan utama Al-Quran itu diturunkan ialah untuk mendapat hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala, untuk mewujudkan peribadi Muslim yang unggul dan seimbang, mewujudkan masyarakat Islam tulen dan sebagai senjata dalam menghadapi musuh-musuh Islam yang berusaha untuk menghancurkan Islam.

Dengan membaca Al-Quran dapat menambah kebersihan jiwa, ketenangan, keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta mendapat ganjaran pahala dan syafaat dari-Nya. Kita hendaklah sentiasa meneliti, memahami kandungan dan

pengertian yang disampaikan dalam Al-Quran.

Sehubungan itu, peristiwa Nuzul Al-Quran harus dihayati oleh umat Islam kerana ia menjadi asas keimanan terhadap Al-Quran bahawa ia adalah kalam Allah Subhanahu Wata'ala. Bahkan, ia di lihat asas utama dalam pengakuan umat Islam terhadap kerasulan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta keyakinan Islam itu agama yang benar, satu-satunya agama yang diredai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Nama : Siti Nur'syazwani Rizawati binti Mohammad Shari
No. K/P : 01-077704 (K)
Alamat : No. 5, Simpang 186, Jalan Tanjung Selasih, Kampung Perumahan Negara Panchor, Mukim Mentiri, BU1729, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keutamaan dan Manfaat Bersedekah'. Tarikh Tutup : 14 Jun 2017
2. 'Amalan Ziarah Semarak Aidilfitri'. Tarikh Tutup : 21 Jun 2017
3. 'Budayakan Membaca Al-Quran'. Tarikh Tutup : 28 Jun 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak **BND75.00**.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

31 pelajar terima sumbangan Program Amal Ramadan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Bagi meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan dalam persiapan menyambut bulan Syawal yang akan tiba, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) mengadakan Program Amal Ramadan Untuk Keluarga Yang Kurang Berkemampuan yang diadakan buat kali keempat di dewan kuliah sekolah tersebut.

Pada majlis itu, seramai 31 pelajar daripada tujuh buah Sekolah Kluster 3 Daerah Brunei dan Muara, iaitu enam pelajar dari Sekolah Menengah Rimba II; enam pelajar Sekolah Menengah Awang Semaun, enam pelajar Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Seorang dari Sekolah Sukan, enam lagi dari Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, enam pelajar Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam dan dua pelajar Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Menteri dan anak yatim dari SM YSHHB menerima sumbangan derma berupa barangan asasi dan wang tunai.

Penyampaian sumbangan derma disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizamdin bin Haji Mosbi.

YSHHB dapat didedahkan dengan kehidupan keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan yang akan dapat melahirkan rasa simpati dan mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Ratib Al-Attas dan diteruskan dengan acara penyerahan derma. Majlis diakhiri dengan bacaan Surah Al-Ashr dan disusuli pengagihan barang-barang sumbangan kepada para penerima.



KETUA Pegawai Eksekutif, Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizamdin semasa hadir pada Program Amal Ramadan Untuk Keluarga Yang Kurang Berkemampuan yang diadakan buat kali keempat di dewan kuliah sekolah tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



KETUA Pegawai Eksekutif, Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizamdin bin Haji Mosbi (kanan) menyempurnakan penyampaian derma kepada salah seorang penerima.



Majlis Khatam Al-Quran Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM



PEMANGKU Pengarah Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Wardi bin Haji Abdul Latip (tengah) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil di Surau Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Bagi sama-sama meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda di bulan Ramadan yang mulia ini, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Tahlil di Surau Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penerbangan Kebawah DYMM, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Wardi bin Haji Abdul Latip.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah-surah lazim daripada 38 peserta khatam disusuli dengan bacaan Tahtim

yang diketuai oleh Imam Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop, Awang Haji Muslim bin Haji Abdul Razak yang kemudian diikuti dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban serta penyampaian cenderahati daripada tetamu kehormat kepada para

peserta dan seterusnya sesi bergambar ramai.

Program tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan Pejabat Penerbangan Kebawah DYMM selain daripada aktiviti lain seperti bertahlil di Kubah Makam Diraja, majlis ceramah-ceramah keagamaan dan qiyamulail sepanjang bulan Ramadan.

Bekas penuntut SMJA sumbangkan derma Tabung Anak Yatim



PENGERUSI Ahli Jawatankuasa, Awang Md. Serudin bin Haji Tuah menyerahkan sumbangan derma kepada Penghulu Mukim Labu, Daerah Temburong, Awang Haji Abdurahman bin Haji Nasir, yang kemudiannya akan menyerahkan kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong selaku Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong.

Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan Sheikh Abdullah Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Bersempena mengambil keberkatan bulan Ramadan yang Mubarak, Ahli Jawatankuasa Bekas Penuntut-Penuntut Sekolah Menengah Ingeris Pengambilan Pertama Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) Aliran Ingeris 1975 - 1978 telah

menganjurkan Majlis Iftar, Tahlil dan Doa Arwah serta menyampaikan Sumbangan Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Temburong yang diadakan di rumah kediaman Setiausaha Ahli Jawatankuasa, Awang Haji Sheikh Abdullah bin Haji Sheikh Yahya di Taman Datu Haji Awang Besar, Kampung Subok.

Sekolah Sukan bersihkan tanah perkuburan

Berita dan Foto:
Noraisah Muhammed

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Sempena dengan cuti awam bagi memperingati Nuzul Al-Quran seramai 20 orang terdiri daripada tenaga pengajar, jurulatih dan penuntut dari Sekolah Sukan Negara Brunei Darussalam kelmarin mengadakan aktiviti bergotong-royong membersihkan kawasan Tanah Perkuburan Orang-Orang Islam Rangas selepas Sembahyang Fardu Asar.

Projek tersebut merupakan salah satu inisiatif yang diungjayahkan Jurulatih Sukan di sekolah berkenaan yang dijadikan sebagai aktiviti tahunan bersempena dengan membuat amal baik di bulan Ramadan Al-Mubarak.

Ia juga dihasratkan agar dapat memupuk semangat perpaduan serta menggalakkan kerja-kerja amal di peringkat awal, di samping mengeratkan lagi silaturahim yang



PARA tenaga pengajar, jurulatih dan penuntut dari Sekolah Sukan ketika membersihkan sekitar Tanah Perkuburan Orang-Orang Islam Rangas.

sedia terjalin.

Acara tersebut diselenggarakan dengan bacaan tahlil dan doa arwah yang dipimpin oleh salah seorang penuntut dari sekolah berkenaan, Awang Adam Nawawi bin Mohd. Ishak.

Walaupun cuaca hujan, penuntut yang hadir tetap memberikan komitmen dan bersemangat menjalankan

projek amal yang berkebajikan tersebut.

Salah seorang penuntut yang ikut serta dalam projek tersebut, Awang Mohd. Wafy Wazien melahirkan rasa bersyukur kerana berpeluang membuat kerja amal beramai-ramai pada bulan Ramadan dan berharap akan dapat mengikuti kerja-kerja amal yang lain pada masa akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan Penasihat Ahli Jawatankuasa majlis tersebut ialah Awang Md. Serudin bin Haji Tuah. Turut hadir, Penghulu Mukim Labu, Daerah Temburong, Awang Haji Abdurahman bin Haji Nasir yang mana kedua mereka merupakan bekas pelajar sekolah berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Guru Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Awang Haji SaifulBahri bin Haji Ahmad diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Ahli Jawatankuasa, Awang Md Serudin bin Haji Tuah.

Majlis selanjutnya diselenggarakan dengan sumbangan derma yang

disampaikan oleh Pengerusi, Awang Md Serudin kepada Penghulu Mukim Labu, Daerah Temburong, Awang Haji Abdurahman yang kemudiannya akan menyerahkan kepada Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong selaku Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong.

Zakat Fitrah anak yang baru lahir, baru meninggal dan orang yang baru masuk Islam

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan Salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZAKAT Fitrah mula disyariatkan pada tahun kedua hijrah, iaitu tahun yang sama disyariatkan puasa bulan Ramadan. Asal hukum wajib Zakat Fitrah sebelum ijmak adalah dari beberapa khabar yang sahih seperti khabar yang diriwayatkan daripada Ibn 'Umar Radhiallahuanhuma :

Maksudnya : "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mewajibkan Zakat Fitrah bulan Ramadan ke atas manusia sebanyak satu gantang kurma atau satu gantang gandum ke atas setiap orang yang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan dari orang-orang Islam."

(Hadis riwayat Muslim)

Antara syarat-syarat wajib Zakat Fitrah itu ialah masuknya waktu wajib Zakat Fitrah, iaitu dengan terbenam matahari di malam hari raya. Oleh itu, orang yang diwajibkan Zakat Fitrah itu hendaklah mendapati sebahagian Ramadan dan sebahagian malam Hari Raya. Hal ini disebutkan oleh al-Khatib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitab al-Iqna' :

Ertinya : "Hendaklah mendapati sebahagian Ramadhan dan sebahagian malam Syawwal (malam Hari Raya)."

Jadi jika seseorang itu tidak mendapati sebahagian daripada kedua-dua waktu tersebut maka tidaklah diwajibkan

ke atasnya Zakat Fitrah.

Beberapa permasalahan orang yang diwajibkan Zakat Fitrah

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, orang yang tidak mendapati sebahagian Ramadan dan sebahagian malam Hari Raya tidak diwajibkan ke atasnya Zakat Fitrah. Persoalannya siapakah yang dimaksudkan orang yang tidak mendapati sebahagian daripada kedua-dua waktu tersebut? Untuk menjawab persoalan tersebut, berikut ini diuraikan mengenai dengan orang-orang yang ada kena mengena dengan persoalan di atas.

1) Anak yang baru lahir

Anak yang lahir setelah tenggelam matahari di akhir Ramadan adalah tidak diwajibkan Zakat Fitrah. Ini kerana anak yang baru

lahir itu tidak mendapati atau tidak sempat hidup di sebahagian Ramadan.

Berbeza halnya jika anak itu lahir sebelum tenggelam matahari di akhir Ramadan maka diwajibkan Zakat Fitrah ke atasnya. Ini kerana anak yang baru lahir itu mendapati atau sempat hidup di sebahagian Ramadan dan malam Hari Raya.


2) Orang yang meninggal dunia

Orang yang meninggal dunia sebelum tenggelam matahari di akhir Ramadan adalah tidak diwajibkan Zakat Fitrah. Ini kerana orang yang meninggal dunia itu tidak mendapati atau tidak hidup di sebahagian malam Hari Raya.

Berbeza halnya jika orang itu meninggal dunia setelah tenggelam matahari di akhir Ramadan maka diwajibkan

ZAKAT Fitrah mula disyariatkan pada tahun kedua hijrah, iaitu tahun yang sama disyariatkan puasa bulan Ramadan. Asal hukum wajib Zakat Fitrah sebelum ijmak adalah dari beberapa khabar yang sahih seperti khabar yang diriwayatkan daripada Ibn 'Umar Radhiallahuanhuma :

Maksudnya : "Bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mewajibkan Zakat Fitrah bulan Ramadan ke atas manusia sebanyak satu gantang kurma atau satu gantang gandum ke atas setiap orang yang merdeka atau hamba, lelaki atau perempuan dari orang-orang Islam."
(Hadis riwayat Muslim)



Zakat Fitrah. Ini kerana orang yang meninggal dunia itu mendapati atau hidup di sebahagian Ramadan dan malam Hari Raya.

3) Orang yang baru masuk Islam

Antara syarat wajib zakat fitrah juga ialah seseorang itu hendaklah beragama Islam. Adapun orang yang masuk Islam setelah tenggelam matahari di akhir Ramadan adalah tidak diwajibkan Zakat Fitrah. Ini kerana orang yang baru masuk Islam itu tidak mendapati atau tidak Islam di sebahagian Ramadan.

Berbeza halnya jika orang masuk Islam sebelum tenggelam matahari di akhir Ramadan maka diwajibkan Zakat Fitrah. Ini kerana orang itu mendapati atau beragama Islam di sebahagian Ramadan dan malam Hari Raya.

Demikian beberapa penjelasan mengenai waktu wajib Zakat Fitrah dan kedudukan zakat fitrah bagi anak yang baru lahir, orang yang meninggal dunia dan orang yang baru masuk Islam.

Zakat Fitrah di bulan Ramadan

BERIMANLAH kepada Allah dan Rasul-Nya, dan belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada harta kurniaan-Nya yang dijadikan-Nya kamu sebagai penguasanya. Maka orang-orang yang beriman antara kamu dan membelanjakan (sebahagian daripada harta itu pada jalan Allah), mereka beroleh pahala yang besar.
- Surah al-hadid, ayat 7.

HARTA merupakan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala kepada hamba-hamba-Nya yang menjadi keperluan setiap orang, kerana harta boleh membawa kebahagiaan bahkan boleh juga membawa kebinasaan. Kita sendiri yang bertanggungjawab untuk menguruskannya dengan landasan dan suruhan agama Islam, seperti membelanjakannya pada perkara-perkara yang baik dan berfaedah, memberi nafkah kepada orang-orang yang di bawah tanggungjawabnya, serta menyalurkan ke arah perkara yang berkebaikan seperti bersedekah dan yang lebih utama mengeluarkan zakat.

Tanpa disedari, di bulan Ramadan ini umat Islam telah disediakan satu medan untuk kita memperelokkan diri dan iman, menambah baik apa-apa yang perlu sebagai seorang hamba Allah di dunia ini dan menginsafi akan kekurangan saudara-saudara kita yang kurang bernasib baik, yang miskin dan fakir. Selain ibadah puasa yang disyariatkan di bulan ini, terdapat satu ibadah lagi yang tidak boleh kita ambil ringan, iaitu Zakat Fitrah. Kewajipan menunaikan Zakat Fitrah sudah pasti mempunyai hikmah dan kelebihan tersendiri kepada umat Islam khususnya.

Pemberian zakat akan membersihkan harta seseorang daripada bercampur dengan harta lain, iaitu harta yang tidak halal. Harta yang dimiliki oleh seseorang harus dikeluarkan zakat apabila cukup nisab dan genap haulnya. Zakat yang dikeluarkan akan diberikan kepada orang yang berhak menerimanya. Selagi zakat tidak dikeluarkan, maka hak orang lain masih lagi bercampur dalam harta tersebut. Jika harta ini dibelanjakan, bermakna hak orang lain juga dibelanjakan. Pengeluaran zakat dapat mengelakkan penggunaan


harta dan hak orang lain. Mari kita lihat waktu-waktu mengeluarkan Zakat Fitrah itu, iaitu :

- Waktu wajib : sesudah jatuh matahari akhir bulan Ramadan.
- Waktu sunat : selepas Sembahyang Fardu Subuh hingga imam mendirikan Sembahyang Hari Raya.
- Waktu harus : dari awal bulan Ramadan.
- Waktu makruh : selepas sembahyang Hari Raya hingga jatuh matahari hari raya.

- Waktu haram : sesudah jatuh matahari hari raya.

"Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka. Dan doakanlah mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi sebab ketenteraman jiwa mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."
- Surah at-Taubah : 103.

"AMBILLAH sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka. Dan doakanlah mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi sebab ketenteraman jiwa mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui." - Surah at-Taubah : 103.



Al-Quran penawar menceriakan kehidupan



PARA jemaah tekun mendengarkan Ceramah Khas sempena Sambutan Nuzul Al-Quran.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Sammali bin Haji Adam berkata, manusia perlukan teman dalam kehidupan kerana tanpa teman manusia akan hidup dalam kesunyian. Walau bagaimanapun, terkadang teman akan terputus hubungan dengan sebab perselisihan.

Oleh itu, Al-Quran jelasnya, diturunkan ke atas manusia untuk dijadikan teman yang tidak pernah berselisih, malah padanya ada penawar untuk menceriakan kehidupan manusia. Formula untuk mendapatkan keceriaan melalui

Berita dan Foto :
Ihsan Haji Sammali bin Haji Adam

Al-Quran ialah dengan sentiasa mengamalkan pembacaannya, perlu selalu didengar malah perlu dihayati isi kandungannya.

Awang Haji Sammali menyatakan demikian dalam ceramah khasnya sempena Sambutan Nuzul Al-Quran yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Pehin Khatib Abdullah, Kampung Kulapis.

Masjid yang boleh menampung seramai lebih kurang 700 orang jemaah ini, baru saja menghidupkan kegiatan takmirnya setelah perasmianya oleh Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 19 Mei 2017 yang lalu.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Awang Haji Zainal bin Haji Othman.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Imam masjid berkenaan, Awang Haji Muhd Burhanuddin bin Haji Damit serta penduduk Kampung Kulapis.

RPN Lambak Kanan adakan Nuzul Al-Quran



MAJLIS yang dihadiri oleh jemaah-jemaah, belia-belia dan ahli-ahli Muslimah Masjid Perpindahan Lambak Kanan (atas dan bawah).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Majlis Nuzul Al-Quran anjuran Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Perpindahan Lambak Kanan diadakan petang tadi di masjid berkenaan.

Majlis yang dihadiri oleh jemaah-jemaah, belia-belia dan ahli-ahli Muslimah Masjid Perpindahan Lambak Kanan itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Imam masjid tersebut, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Acara kemudian diikuti dengan bacaan Al-Quran 30 Juzuk serta Khatam Al-Quran dan diteruskan dengan bacaan Tahtim serta bacaan Tahlil bagi kaum keluarga para jemaah yang telah kembali ke rahmatullah.

Atur cara juga diselenggarakan dengan Majlis Berbuka Puasa. Majlis Nuzul Al-Quran merupakan acara tahunan AJK Takmir Masjid Perpindahan Lambak Kanan yang diadakan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Nuzul Al-Quran.

Kejayaan inspirasi pertingkatkan prestasi bacaan Al-Quran

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Selain mengangkat nama negara, detik paling bermakna dalam kehidupan antaranya ialah, dapat mempertingkatkan mutu prestasi bacaan Al-Quran ke arah yang lebih baik melalui musabaqah yang disertai.

Para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan dan Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS, setentunya memanjatkan syukur atas kejayaan yang diperolehi setelah diumumkan pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah di Dewan Plenari, Pusat Persidangan

Antarabangsa, Berakas malam semalam.

Juara Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran Berserta Pemahamannya Juz 22, Awang Muhammad Hazri bin Haji Mohammad Hamzani yang mewakili penyertaan negara tidak menyangka kejayaan pada pertama kali menyertai kategori itu.

Pelajar Tahun Ke-3 dalam Program Diploma Aliyah Qiraat, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), yang berasal dari Kampung Rimba itu menyatakan membuat persediaan lebih kurang sebulan, termasuk ketekunan dalam mengulang hafazan serta latihan bersama para guru dan pembimbing dan tidak lupa kejayaan atas doa-doa keluarga (ibu bapa) dan guru-guru juga.

Sementara juara Kategori Menghafaz 10 Juz Berserta Pemahamannya Juz 8 gembira atas kemenangan yang diraihinya setelah kegigihan usaha dan kerja keras latihan mengulang membuahkan hasil.

Juga pelajar ITQSHHB, Dayang Ainaa Zahirah binti Haji Abdul Manap, 17, menceritakan walaupun kali kedua menyertainya, perasaan takut dan gugup itu tetap ada namun ia rasa teruja mewakili negara untuk bertanding bersama para peserta dari negara-negara anggota MABIMS yang lain.

Pelajar berasal dari Kampung Meragang itu juga menambah kejayaan datangnya persediaan latihan bersama para guru pembimbing dan juga sokongan ibu bapa dan keluarga.

Manakala, johan Kategori 'B' Menghafaz Surah-Surah Pilihan bagi yang berumur 17 tahun ke bawah, Awangku Muhammad Fakhur Razey bin Pengiran Damit menyatakan terima kasih kepada para guru, terutamanya keluarga yang sangat memberikan dorongan dan motivasi ke arah memberikan persembahan mutu bacaan yang baik.

Kesemua mereka akan meneruskan usaha dalam menjaga hafazan dan senantiasa istiqamah dalam mengulang Al-Quran, lebih-lebih lagi mempertingkatkan mutu bacaan ke arah yang lebih baik lagi.



AWANGKU Muhammad Fakhur Razey bin Pengiran Damit yang menjuarai Kategori 'B' Menghafaz Surah-Surah Pilihan bagi yang berumur 17 tahun ke bawah bersama kedua ibu bapanya.



JUARA Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Quran Berserta Pemahamannya Juz 22, Awang Muhammad Hazri bin Haji Mohammad Hamzani.



DAYANG Ainaa Zahirah binti Haji Abdul Manap.

Budaya membaca Al-Quran ke arah keberkatan hidup

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dan Ihsan Hajah Sariah / Rahimah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1438 Hijrah bertitah supaya pembacaan Al-Quran itu menjadi budaya kepada orang-orang Brunei.

Menurut baginda, sambil bertabarruk dengannya, Al-Quran itu adalah juga selaku penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman.

Titah baginda itu mendapat respons yang baik daripada orang ramai yang ditemui.

Setiausaha Am Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM),

Dayang Hamidah binti Haji Lakem menjunjung tinggi titah baginda itu dan menyatakan bahawa ia memanglah satu saranan yang baik untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai satu budaya orang-orang di negara ini.

Kami di MKM tambahnya, memang mengadakan Kelas Al-Quran setiap hari Ahad dan ini adalah untuk memupuk klien-klien MKM supaya celik Al-Quran, dan akan menjadi pendamping mereka kelak.

Beliau menjelaskan, dua guru telah dilantik untuk mengajar kanak-kanak berumur 5 hingga 16 tahun termasuk beberapa warga emas yang turut mengikuti Kelas Al-Quran ini.

Beliau yang juga selaku pendidik di Sekolah Tunas Jaya PGGMB Madang menambah, pada setiap pagi Khamis, pihak sekolah mengadakan acara seperti membaca Yaa Siin, Surah Al-Mulk, Al-Waqiah, Selawat Murah Rezeki dan banyak lagi di mana pelajar-pelajar dari KG 2 hingga Tahun 6 akan berkumpul dan membacanya beramai-ramai.

"Kami percaya 'Biarlah Melentur Buluh Dari Rebungnya', tabiat ini akan dapat mereka ingat dan supaya menjadi budaya mereka hingga dewasa," tambahnya.

Sementara itu, bagi Guru Tingkat II di Sekolah Rendah Mulaut,

Dayang Rahimah binti Haji Tamin pula menjelaskan, membudayakan membaca Al-Quran dalam kalangan masyarakat Brunei adalah penting untuk mendapat rahmat, keberkatan dalam hidup sebagai masyarakat Islam dan Negara Zikir berpaksikan ajaran Al-Quran.

Secara peribadi jelasnya, ketika di rumah beliau turut mendidik anak-anaknya mengamalkan membaca Surah Al-Fatihah, 3 Qul serta Ayatul Kursi sebagai amalan seharian dengan membaca bersama-sama di samping membaca Al-Quran sekurang-kurangnya selebar sehari untuk mendapat keberkatan dalam kehidupan.

Manakala di sekolah pula, penerapan amalan membaca Zikir Asma Ullhusna, Selawat Nabi serta Surah Al-Fatihah akan dibacakan beramai-ramai di sekolah setiap hari sebelum memulakan pembelajaran.

Selain itu, pembelajaran mata pelajaran agama juga tidak ketinggalan menggunakan aplikasi video online, bacaan dalam solat, agar mudah diikuti dan dihafal oleh murid-murid.

Tuntutan bagi membudayakan pembacaan Al-Quran itu turut dipersetujui oleh Dayang Hajah Sariah binti Haji Mahmud dari Kampung Madewa, di mana menurutnya pembacaan Al-Quran itu adalah sebagai kewajipan dan



SETIAUSAHA Am MKM, Dayang Hamidah binti Haji Lakem semasa ditemu bual Pelita Brunei.

amalan harian seorang umat Islam bagi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Dalam memastikan pembacaan Al-Quran itu berterusan ujarnya, kita boleh membacanya empat lembar setiap kali selepas menunaikan sembahyang fardu di mana dalam sehari kita boleh menghabiskan satu juz dan kita akan dapat mengkhataamkan Al-Quran seberapa banyak yang mungkin.

TUNTUTAN bagi membudayakan pembacaan Al-Quran itu turut dipersetujui oleh Dayang Hajah Sariah binti Haji Mahmud dari Kampung Madewa, di mana menurutnya pembacaan Al-Quran itu adalah sebagai kewajipan dan amalan harian seorang umat Islam bagi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Dalam memastikan pembacaan Al-Quran itu berterusan ujarnya, kita boleh membacanya empat lembar setiap kali selepas menunaikan sembahyang fardu di mana dalam sehari kita boleh menghabiskan satu juz dan kita akan dapat mengkhataamkan Al-Quran seberapa banyak yang mungkin.

Tips KESIHATAN

TIPS KESIHATAN DI BULAN RAMADAN

Kegiatan Fizikal

Berpuasa bukanlah satu alasan untuk tidak bersenam atau tidak melakukan kegiatan fizikal.

Bersenam di bulan Ramadan boleh dilakukan pada waktu-waktu seperti selepas sungkai (selepas mengambil makanan ringan), selepas Sembahyang Tarawih atau sebelum sahur (jika bersanggupan).

Senaman masih boleh dilakukan dan dikekalkan pada tahap sederhana.

Senaman yang boleh dibuat di kawasan rumah:-

- Senaman menguatkan otot
- Bermain dengan anak-anak
- Berkebun ringan
- Membersihkan rumah atau kereta

Contoh senaman yang boleh dibuat di luar kawasan rumah:-

Berbasikal
Berjalan pantas dan jogging ringan
Menggunakan tangga di pejabat atau meletakkan kereta jauh dari tempat kerja juga boleh dilakukan.

UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT TELEFON 123
SUMBER: KEMENTERIAN KESIHATAN

PCSB pembekal maklumat tambahan Biro Kredit

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin 12 Jun. - Menurut Siaran Akhbar AMBD, pihaknya (AMBD) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) pada hari Isnin, 10 Ramadan 1438 Hijrah bersamaan dengan 5 Jun 2017 Masihi di Ibu Pejabat PCSB, Kampung Kiarong, Jalan Pasar Baharu, Gadong.

Menandatangani bagi pihak AMBD ialah Pemangku Timbalan Pengarah Urusannya, Awang Haji Adi Marhain bin Leman manakala pihak PCSB ditandatangani oleh Ketua Pengarah Eksekutif, Paul Taylor.

Hadir menyaksikan majlis menandatangani MoU tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah Eksekutif (Biro Kredit) AMBD, Awang Mohammed Roaizan bin Haji Johari dan Ketua Pegawai Kewangan PCSB, Roger Plahay.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua pihak AMBD dan PCSB.

Matlamat MoU ini adalah untuk mewujudkan satu asas kerjasama dan usahasama antara AMBD dan PCSB berhubung dengan pembekalan maklumat-maklumat

kredit kepada Biro Kredit AMBD.

Inisiatif perkongsian maklumat ini bertujuan bagi meningkatkan lagi pengurusan risiko kredit pemberi pinjaman, dengan membekalkan mereka dengan data utiliti sebagai maklumat kredit alternatif daripada pembekal-pembekal perkhidmatan *credit-like*, seperti telekom.

Dengan penyertaan PCSB sebagai satu pembekal maklumat tambahan menjadi satu lagi mercu tanda bagi Biro Kredit yang mana ianya kini mempunyai liputan penuh kesemua syarikat telekomunikasi di Negara Brunei Darussalam.

Kemasukan data utiliti dalam laporan kredit akan membolehkan pelanggan-pelanggan untuk membina *reputational collateral* dengan menunjukkan kesanggupan dan keupayaan untuk membayar balik bayaran yang berpelbagai dan mempunyai jangka waktu tetap terutama bagi pelanggan-pelanggan utiliti yang mana pada kebiasaannya diberi bil secara bulanan yang menyerupai kitaran lazim pembayaran balik pinjaman.

Laporan mengenai maklumat positif (seperti bayaran tepat pada masanya) dan maklumat negatif (seperti bayaran terlepas) akan

mendorong pelanggan-pelanggan untuk mewujudkan dan mengekalkan sejarah kredit atau pembayaran yang baik yang mana membolehkan mereka untuk meningkatkan akses kepada kredit dengan lebih mudah.

Bersempena majlis penandatanganan tersebut, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan PCSB juga telah mendengarkan satu taklimat yang disampaikan oleh Pegawai AMBD tentang fungsi dan peranan Biro Kredit.

Pada kesempatan yang sama, Biro Kredit telah menyediakan satu kaunter sementara bagi Perkhidmatan Self-Inquiry untuk memberi peluang kepada mana-mana pegawai dan kakitangan PCSB yang berhasrat untuk menyemak Laporan Kredit Peribadi masing-masing.

Laporan Kredit Peribadi yang dikenali sebagai Self-Inquiry Report (SIR) mengandungi maklumat-maklumat kredit individu yang terperinci, seperti kad kredit, pinjaman peribadi dan pinjaman kenderaan bermotor. Maklumat-maklumat yang terkandung di dalam laporan kredit tersebut adalah seperti mana yang dilaporkan oleh mana-mana institusi pemberi kredit kepada Biro Kredit.



AUTORITI Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) semasa Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman.

Mana-mana individu mahupun syarikat boleh memohon dari Biro Kredit untuk mendapatkan laporan kredit masing-masing bagi tujuan semakan sendiri untuk memastikan kesemua maklumat yang dilaporkan di dalam laporan kredit adalah betul dan dikemaskinikan.

Biro Kredit adalah sebuah unit di bawah Jabatan Regulatori dan Penyeliaan, AMBD, yang mana mula beroperasi sejak bulan September 2012.

Fungsi utama Biro Kredit ialah untuk mengumpul, menyatukan dan mengedarkan maklumat-maklumat kredit bagi tujuan penilaian kepercayaan kredit, atau keupayaan untuk membayar balik pinjaman seseorang individu atau sesebuah syarikat.

Maklumat lanjut mengenai Biro Kredit AMBD boleh melayari <http://www.ambd.gov.bn/birokredit> atau ikuti akaun Instagram @birokredit.

Kereta terbiar merosakkan kebersihan persekitaran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Salah satu tabiat bagi setengah kalangan orang ramai ialah, meninggalkan kereta yang rosak di perkarangan rumah dan kawasan-kawasan awam yang bukan saja merosakkan kebersihan persekitaran rumah dan tempat-

tempat awam bahkan boleh menjadi isu keselamatan.

Meninggalkan kereta terbiar adalah satu fenomena yang semakin menjadi dan patut dibanteras. Salah satu perbuatan yang tidak seharusnya berlaku jika kita ingin mengekalkan alam sekitar yang

cantik dan bersih.

Kereta-kereta yang terbiar boleh sahaja membahayakan orang-orang yang tinggal di kawasan tersebut, kerana mungkin dijadikan tempat permainan atau tempat binatang-binatang seperti ular bersembunyi.

Pihak yang bertanggungjawab sewajarnya mengambil tindakan ke atas pemilik-pemilik kereta tersebut supaya perkara itu tidak di ambil ringan. Sebelum pihak yang berwajib mengambil tindakan, ada perlunya

diberikan notis amaran kepada pemilik agar mereka mengetahui tentang kepentingan menjaga kebersihan, agar pemilik tidak sesuka hati membiarkan kereta-kereta mereka terbiar.

Agensi yang melakukan kerja bagi pembuangan kereta-kereta yang terbiar perlu ditempatkan yang dihaskan dan hendaklah mengenakan harga yang berpatutan supaya pemilik tersebut mampu menggunakan perkhidmatan mereka.

Jabatan Pengangkutan Darat dapat menimbang langkah bagi memantau mana-mana kereta

yang tidak lagi *roadworthy* tidak ditinggalkan di merata tempat ataupun di rumah sendiri yang terdedah kepada orang ramai.

Denda perlu dikenakan ke atas pemilik kereta yang meninggalkan kereta di kawasan awam dan kerajaan boleh memindahkan kereta tersebut dengan mengenakan bayaran kepada pemilik yang berdaftar.

Pihak agensi-agensi telah memulakan proses pengalihan kenderaan-kenderaan terbiar. Kenderaan-kenderaan terbiar telah dialihkan ke tempat pelupusan.

Persidangan Belia ASEAN November nanti

Siaran Akhbar : Pertubuhan Belia ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Pertubuhan Belia ASEAN (ASEAN Youth Organization - AYO) akan menjadi tuan rumah Persidangan Belia ASEAN (AYC) Kali Pertama 2017 di Filipina sempena Ulang Tahun Ke-50 Tahun ASEAN.

Menurut Siaran Akhbar Pertubuhan Belia ASEAN, persidangan yang julung kali diadakan itu dicadangkan akan berlangsung di Pampanga, Filipina pada 10 - 13 November ini.

Tema AYC 2017 adalah 'Ke Arah Visi Komuniti ASEAN 2025 - Semua Bermula Dengan Belia' dan persidangan tersebut akan menjadi platform bagi memudahkan proses yang memperkasakan penyertaan belia berkesan dalam perancangan, pelaksanaan dan penilaian di pelbagai isu-isu serantau, terutamanya isu-isu yang memberi kesan kepada belia.

Ia juga bertujuan untuk membawa bersama-sama perwakilan belia dan pihak-pihak berkepentingan dari

seluruh Asia Tenggara untuk bertemu, bertukar-tukar pandangan, berkongsi pengalaman dan idea mengenai isu-isu, tumpuan biasa dan membangunkan pelan tindakan yang realistik untuk membina semula masyarakat bagi memenuhi keperluan dan aspirasi anak-anak muda di rantau ini.

"Belia hari ini bangkit untuk membentuk masa depan negara dan dunia mereka. Mereka mahu menjadi pendengar, termasuk dalam proses membuat keputusan yang lebih penting, untuk membuat perubahan," kata Pengasas dan Pengarah Projek AYC, Thomson Ch'ng.

"AYC 2017 menawarkan platform untuk pemimpin belia dan pihak berkepentingan untuk berhubung antara satu sama lain, membincangkan cabaran dan bekerja bersama-sama pada penyelesaian yang akan menangani isu-isu mendesak di rantau ini. Ia juga bertujuan untuk merapatkan jurang antara generasi melalui

perbincangan meja bulat dari pelbagai pihak berkepentingan," katanya.

"Oleh itu, kami menyeru supaya sokongan daripada pihak berkepentingan ASEAN, khususnya Sekretariat ASEAN, Yayasan ASEAN, Wakil-wakil dari negara-negara anggota, Perniagaan, Pertubuhan Awam dan NGO untuk menjadikan inisiatif ini satu kejayaan," kata Ch'ng.

Hadir pada persidangan tersebut akan memuktamadkan agenda tindakan belia menggunakan badan bukan kerajaan antarabangsa, ahli akademik, pembuat dasar, pendidik, serta perniagaan negara anggota yang mencerminkan aspirasi dan cita-cita semua belia ASEAN.

Agenda akan digubal melalui proses perundingan dari pelbagai pihak berkepentingan sepanjang perjalanan persidangan tersebut, dan hasil dokumen bersama antara negara-negara dan belia yang akan dihasilkan, dikenali sebagai 'Resolusi Belia Pampanga'.

Talian untuk permohonan dari belia ASEAN, Talian untuk Penajaan dan Pameran, Talian untuk Perkongsian Media akan dibuka pada 13 Jun ini.



KERETA-KERETA yang ditinggalkan dan terbiar di kawasan awam (atas dan bawah).



JPI adakan khatam Al-Quran



SUASANA Majlis Khatam Al-Quran sempena Nuzul Al-Quran di bulan Ramadan yang dikendalikan oleh Bahagian IRK (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (kiri). Sementara gambar kanan, Pemangku Penolong Pengarah Profesional, JPI, Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUTONG, Isnin, 12 Jun. - Majlis Khatam Al-Quran sempena Nuzul Al-Quran di bulan Ramadan merupakan rancangan kerja tahunan Bahagian IRK, yang dikendalikan oleh Bahagian IRK (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam (JPI) bagi Pegawai-Pegawai dan Guru-Guru Agama di sekolah-sekolah menengah, rendah, swasta dan Institusi Teknikal dan

Vokasional yang dihasrat untuk menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan dan kerahmatan.

Sehubungan itu, majlis diadakan bertempat di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Pemangku Penolong Pengarah Profesional, JPI, Dayang Hajah Norjarah binti Haji Luidin hadir

selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan surah-surah Al-Quran diketuai oleh Awang Shaifulbahri bin Haji Ahmad.

Bacaan Tahtim dibacakan oleh Dayang Hajah Siti Halimatul Saadiah binti Haji Wahsalfelhal dan diikuti dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Haji Norzlan bin Haji Sapar.

Majlis turut diserikan dengan laungan Dikir Asyraqal diketuai oleh Awang Haji Jaafar bin Haji Yusof dan bacaan Doa Selamat oleh Awang

Mohammad Khairul Azami bin Haji Md. Japar mengakhiri majlis pada pagi itu.

Majlis Khatam disertai oleh para pegawai dan guru-guru agama Bahagian IRK yang dikehendaki menghabiskan bacaan 30 Juzuk Al-Quran sasaran sekurang-kurangnya lima juzuk setiap bulan sehingga waktu Majlis Khatam Al-Quran dijalankan.

Membaca Al-Quran merupakan ibadah yang diberi pahala oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan

merupakan sumber penyatuan ummah dan dapat melahirkan semangat perpaduan antara guru-guru IRK.

Antara objektif majlis ialah untuk menggalakkan guru-guru agama membaca Al-Quran, seterusnya menjadikan budaya membaca Al-Quran ini sebagai aktiviti dalam kehidupan seharian selain memperbanyakkan amal ibadah di bulan Ramadan yang mulia menerusi pembacaan Al-Quran.

90 terima sumbangan T.M.Majeed



KETUA Kampung Kilanas, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Sabtu (empat, kiri) bersama Pengurus Kumpulan Teeyem, Awang Haji T.M Badurdeen (tiga, kiri) menyerahkan sumbangan derma kepada orang yang berkeperluan khas, ibu tunggal dan anak-anak yatim yang tinggal di Kampung Kilanas dan Kampung Jangsak.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

MUKIM KILANAS, Isnin, 12 Jun. - Sikap pemedulian terhadap masyarakat yang kurang mampu di negara ini terus mendapat perhatian oleh beberapa agensi kerajaan mahupun sektor swasta.

Syarikat Kumpulan Teeyem (T.M Majeed) juga tidak ketinggalan menghulurkan sumbangan kepada 90 penerima terdiri daripada golongan berkeperluan khas, ibu tunggal, anak-anak yatim dan orang kurang berkemampuan yang tinggal di Kampung Kilanas dan Kampung Jangsak.

Sumbangan berupa barang keperluan hari raya itu disampaikan oleh Ketua Kampung Kilanas, Awang Haji Mohd. Rais bin Haji Sabtu di Pasar Raya T.M Mejeed, Kampung Kilanas, di sini.

Pengasas dan Pengarah T.M Majeed, Awang Haji T.M Badurdeen bin Mohd. Ismail semasa ditemu bual Pelita Brunei menjelaskan, sumbangan itu merupakan kali kesembilan diadakan bagi membantu golongan-golongan yang memerlukan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Sebagai orang Islam, ia juga

katanya adalah sebahagian daripada zakat.

Menurutnya, T.M Majeed juga akan mengadakan sumbangan yang sama bagi Kampung Lambak Kanan bertempat di Pasar Raya Orbit, Kampung Salambigar, Jalan Muara.

Sementara itu, ibu penerima Awang Mohd. Haiqal bin Kamis melahirkan rasa terima kasih atas sumbangan berkenaan.

"Alhamdulillah, ini merupakan rezeki anak kami yang menghidap autisme," ujar Dayang Faridah binti Osman.

Dengan adanya sumbangan tersebut akan dapat meringankan beban terutama dalam menyambut lebaran yang bakal menjelang nanti.

Jaga kebersihan alam sekitar

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Alam sekitar seperti kawasan-kawasan tumbuhan hijau, udara dan air seperti sungai dan laut adalah sangat penting dalam kehidupan manusia yang bukan sahaja digunakan pada masa sekarang tetapi juga pada masa yang akan datang.


Oleh itu, kita haruslah lebih prihatin serta mengambil berat akan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar agar tidak tercemar supaya kelebihan yang kita rasakan pada masa ini dapat dinikmati oleh anak cucu kita nanti.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Awang Muhd. Hilmi bin Abdul Wahab, 24, semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei mengenai penjagaan bersama kebersihan

alam sekitar. "Penjagaan alam sekitar bolehlah dilakukan dengan membuang sampah sarap dengan serta mengelakkan pembakaran yang terbuka yang boleh memudaratkan kesihatan seseorang individu," jelas beliau lagi.

Perkara tersebut turut dipersetujui oleh Awang Muhd Azizan @ Asri bin Abdul Rahman yang merupakan penduduk Kampung Bukit Bunga, Lumapas.

Beliau seterusnya berharap supaya pihak yang berwajib akan terus memantau kebersihan alam sekitar selain memperingatkan orang ramai supaya sama-sama bersatu hati dalam menjaga kebersihan alam sekitar untuk generasi yang akan datang.



AWANG Muhd. Hilmi bin Abdul Wahab (kiri) dan Awang Muhd Azizan @ Asri bin Abdul Rahman (kanan) semasa ditemu bual.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn


PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 49/06/17 (SPA/BIKL)
Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 14 JUN 2017
TARIKH TUTUP: 01 JULAI 2017

1. KERANI PERKAPALAN D.3-4 EB.5-6 BAHAGIAN IV JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN KEKOSONGAN: SATU (01)	2. PENYEMAK UNDANG-UNDANG D.3-4 EB.5 BAHAGIAN IV PEJABAT PEGUAM NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN: SATU (01)
--	--

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:
Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:
TALIAN DARUSSALAM 123

JABATAN KAJIUCUA BRUNEI KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi:
“THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF METEOROLOGICAL UPPER AIR OBSERVATIONS BALLOONS AND LITHIUM BUTTON BATTERY OPERATED FLASHLIGHTS TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT”

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis dengan :

TAWARAN BAGI
“THE SUPPLY, DELIVERY AND TESTING OF METEOROLOGICAL UPPER AIR OBSERVATION BALLOONS AND LITHIUM BUTTON BATTERY OPERATED FLASHLIGHTS TO THE BRUNEI DARUSSALAM METEOROLOGICAL DEPARTMENT”

Bilangan Tawaran : JKBD / 2017 / SH - 02
Tarikh Tutup: Rabu, 21 Jun 2017
Kepada: Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan Kajiucua Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Blok B23, Flat Anggerek Desa, Simpang 32 - 37 Kampong Anggerek BB3713 Negara Brunei Darussalam.

1. SEBUT HARGA adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam menurut Seksyen 16 dan 17 dari akta Nama-Nama Perniagaan (Business Names Act) dan sebut harga ini hanya layak bagi syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang mempunyai **kategori kerja Kod KA 04 (Pembersihan dan penyedutan saluran pembentungan, tangki septik, stesen pengepam dan logi rawatan) dan kelas I atau II sahaja.**

2. Dokumen sebut harga dikenakan bayaran / caj sebanyak **BND2.00** (Dua Ringgit Brunei) bagi pendaftaran dan **BND10.00** (Sepuluh Ringgit Brunei) bagi yuran pentadbiran dan tarikh tutup bagi mendapatkan dokumen sebut harga berkenaan ialah pada **Rabu, 21 Jun 2017, jam 12.00 Tengah Hari.**

3. Sebut Harga dan salinan Sijil Pendaftaran di bawah Seksyen 16 dan 17 yang disebutkan di atas hendaklah dihadapkan dalam sampul surat tertutup dengan menulis di sebelah luarnya bilangan rujukan serta tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan sebarang identiti pengirim atau tajuk sebut harga kepada :

**PENGERUSI JAWATANKUASA
MENELITI TAWARAN DAN SEBUT
HARGA
JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN**

4. Sampul surat berkenaan hendaklah dimasukkan ke :

**PETI TAWARAN SEBUT HARGA
TINGKAT 3
BANGUNAN JABATAN
BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
JALAN PERDANA MENTERI, BA1512
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Jika penender berhajat untuk membatalkan atau tidak ikut serta dalam tawaran ini, dokumen asal hendaklah dikembalikan dengan tata cara sama seperti para 3 dan 4.

6. Dokumen sebut harga mestilah yang asal dan sebarang dokumen yang dicetak semula tanpa pengetahuan Jawatankuasa Meneliti Tawaran dan sebut harga akan dibatalkan dari ikut serta dalam tawaran ini.

7. Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang termurah atau seumpamanya.



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

PENENDER-PENENDER adalah di pelawa untuk mengemukakan tawaran bagi 1 kerja berikut :

1. RBPF / TPROC / RC / 014 - QM

**THE SUPPLY AND DELIVERY OF COMPOSITE
RATION POUCH FOR ROYAL BRUNEI POLICE FORCE
FOR THREE (3) YEARS**

**Yuran Tawaran : BND500.00 + BND5.00 (Tidak
Dikembalikan)**

1. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Unit Pembelian**

dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong pada waktu bekerja iaitu Isnin hingga Khamis dari Jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang dan Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.

SEMASA BULAN RAMADAN

BERMULA JAM 8.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kealamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identity pemborong **tidak lewat jam: 2.00 Petang, Selasa 11 JULAI 2017.**

Tarikh terakhir mengambil Borang Tawaran adalah pada hari Khamis 6 Julai 2017.

Pengerusi

Lembaga Tawaran Kecil

Jabatan Perdana Menteri

Level 1 Bangunan Jabatan Perdana Menteri

Jalan Menteri Besar

Bandar Seri Begawan

Negara Brunei Darussalam.

3. Yuran Tawaran (*Tender Fee*) dikehendaki dibayar dengan **WANG TUNAI** sahaja dan wang tidak dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran. Pembayaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi di **Bahagian Kewangan, Aras Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong.**



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

TAJUK TAWARAN :

**1. UNISSA/SB0008/2017/2018
SUPPLY AND DELIVERY RENTAL
OF PHOTOCOPIER MACHINE FOR
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI FOR SIX (6) MONTHS**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh didapati :

BAHAGIAN KEWANGAN

**TINGKAT 1
BANGUNAN PENTADBIRAN DAN
KEWANGAN
SIMPANG 347, JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu**

8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja

dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan di Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran dan Kewangan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan dialamatkan kepada:

Pengerusi

**Jawatankuasa Sebut Harga
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Simpang 347, Jalan Pasar Baharu
Gadong, BE1310
Negara Brunei Darussalam.**

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Pada sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat pada **22 Jun 2017, Rabu, jam 10.00 Pagi.** Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Sijil pendaftaran syarikat dari Pejabat Peguam Negara (*Form 16 dan 17 / Form X*) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.

Program RRP beri kesedaran sivik



PENGARAH Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Naw (lima, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Selasa, 13 Jun. - Lebih 400 penuntut Tahun 9 dan Tahun 10 Sekolah Menengah Katok menghadiri Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Naw.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' oleh para penuntut yang hadir.

Pengetua Sekolah Menengah Katok, Dayang Penrose Saleha binti Haji Mohammad Salleh dalam ucapannya menjelaskan mengenai

objektif program tersebut yang antara lain untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa dan menanamkan semangat kenegaraan serta tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Selain itu, program juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif serta mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpuji.

Acara diteruskan dengan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan,

Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, disusuli dengan tayangan video 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah', Kibarkanlah Bendera Negara Kitani' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera' terbitan Jabatan Penerangan.

Program turut diserikan dengan persembahan bercorak keagamaan oleh penuntut sekolah berkenaan serta persembahan lawak jenaka dan Kuiz Kenegaraan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan sijil dan hadiah kepada lima penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

Program RRP anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan merupakan program persembahan khusus bagi golongan remaja terutama bagi penuntut sekolah dalam menyebarkan maklumat semasa.



PERSEMBAHAN lawak jenaka dan kuiz kenegaraan oleh pelawak-pelawak undangan tanah air (atas). Sementara gambar bawah, penuntut Sekolah Menengah Katok semasa membuat persembahan Qasidah dan Doa Taubat.



Suntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan pelajar

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 13 Jun. - Dalam usaha menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan dan pada masa yang sama juga mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut di negara ini.

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN bertempat di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Ali yang dihadiri oleh tenaga pengajar sekolah dan seramai lebih 300 penuntut dari sekolah berkenaan.

Jerayawara tersebut bertujuan untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka merupakan golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkinkan hala tuju negara ini.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama dua guru terlatih, Dayang

Suriani binti Md. Yusof dan Ampuan Yusliza binti Ampuan Haji Mumali, mereka berdua sama-sama berpendapat bahawa Jerayawara Kenali ASEAN yang diungkapkan oleh Jabatan Penerangan itu sangat baik terutama bagi pendekatan buat penuntut dan guru sendiri sebagai ulang kaji.

Mereka berkata, taklimat yang disampaikan sangat-sangat bermaklumat untuk pengetahuan bagi penuntut Tahun 7 (*pre requisities*) sebelum topik diajarkan kepada mereka.

Sementara itu, Pelita Brunei juga menemu bual beberapa penuntut sekolah berkenaan mengenai kefahaman mereka mengenai taklimat yang disampaikan, bagi Awang Mohd. Nurazizie, penuntut Tahun 8D melahirkan rasa teruja dengan maklumat yang disampaikan.

"Saya mendapat ilmu pengetahuan dan sekali gus mengetahui beberapa maklumat mengenai negara ASEAN dan membuat saya berhasrat untuk mengunjungi dan melancong ke salah sebuah negara anggota ASEAN bersama kedua ibu bapa dan adik-beradik saya nanti."

Manakala bagi Dayang Nurfarahdilla binti Nek Hassmy,



SERAMAI lebih 300 penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Ali menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

penuntut Tahun 7B pula berkata, selama ini beliau tidak mengetahui tentang ASEAN, setelah mendengarkan taklimat yang disampaikan ia telah menarik perhatiannya untuk mengetahui tentang ASEAN lagi.

Program yang diungkapkan sebagai salah satu usaha Jabatan Penerangan itu dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut sekolah mengenai ASEAN, dan untuk mengenal pasti sejauh mana

penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Selain itu ia juga dihasratkan untuk menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai

Tugas-Tugas Khas Tingkat II dari Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Awang Abdul Karim bin Hamdan dan diikuti dengan sesi kuiz yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Program diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada pihak sekolah.

Sucikan jiwa melalui Zakat Fitrah

Oleh :
Hezlinawati Haji Abd Karim
Foto :
Azmah Haji Ahad dan
koleksi Jabatan Penerangan

BEGITU cepat masa berlalu, tanpa disedari kini kita telah berada lebih dua minggu pada bulan Ramadan, bulan penuh pengampunan. Pada bulan seribu rahmat ini, salah satu kewajipan yang dituntut ke atas setiap orang Islam selain menunaikan ibadah puasa, adalah mengeluarkan Zakat Fitrah yang antara lain bertujuan bagi membersihkan dan menyucikan jiwa mereka yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia. Selain itu melalui hasil kutipan Zakat Fitrah ini juga akan digunakan untuk membantu fakir miskin dalam membuat persiapan menyambut Aildilfitri ataupun meringankan beban seharian mereka.

ZAKAT FITRAH

Meskipun ramai yang memang sudah mengetahuinya, namun penulis ingin sekali mengajak para pembaca mengimbas semula makna Zakat Fitrah. Zakat Fitrah ialah zakat diri yang diwajibkan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan Muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Dari Ibnu Umar r.a katanya :

"*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mewajibkan Zakat Fitrah pada bulan Ramadan kepada semua orang Islam, laki-laki, perempuan, orang yang merdeka mahupun hamba, 1 (satu) Sha' kurma atau gandum.*" (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim).

Bagi Negara Brunei Darussalam, kadar Zakat Fitrah adalah berdasarkan harga dua jenis beras yang biasa dimakan di negara ini dengan kadar sukatan sebanyak 2 kilogram 268 gram, iaitu Beras Wangi BND2.84 sen manakala bagi beras siam pula adalah BND1.93 sen.

SYARAT-SYARAT WAJIB ZAKAT FITRAH

Dalam menyempurnakan kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah itu mempunyai syarat-syaratnya yang tertentu, iaitu mempunyai lebih makanan atau harta dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya dan anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadan dan hidup selepas terbenam matahari. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadan dan berkekalan Islamnya juga diwajibkan mengeluarkan Zakat Fitrah selain seseorang yang meninggal selepas terbenam



ANTARA tujuan mengeluarkan Zakat Fitrah adalah bagi membersihkan dan menyucikan jiwa mereka yang berpuasa daripada perkara yang sia-sia.

Bil	Waktu	Masa
1.	Wajib	Apabila terbenam matahari akhir 30 Ramadan sehingga terbit matahari esoknya
2.	Afdal	Sebelum Sembahyang Hari Raya
3.	Sunat	Sepanjang bulan Ramadan
4.	Makruh	Selepas Sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari pada satu Syawal
5.	Haram	Selepas terbenam matahari satu Syawal

Rajah 1 Waktu mengeluarkan zakat fitrah

matahari akhir Ramadan.

WAKTU MENGELUARKAN ZAKAT FITRAH

Waktu bagi mengeluarkan Zakat Fitrah terbahagi kepada 5 sepertimana pada rajah 1.

Untuk mengelakkan suasana yang sibuk dan kesukaran bagi amil-amil dan juga kelalaian bagi pembayar itu sendiri sehingga melepasi waktu afdal, maka dinasihatkan supaya Zakat Fitrah dikeluarkan lebih awal, iaitu

mulai hari pertama bulan Ramadan.

Maksud sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah :

"*Maka sesiapa yang mengeluarkan (fitrah) sebelum Sembahyang Hari Raya, maka itulah zakat yang diterima, dan sesiapa yang mengeluarkan sesudah Sembahyang Hari Raya maka itu hanyalah merupakan sedekah sahaja.*"

AMIL

Di negara ini Zakat Fitrah dikutip melalui amil-amil yang dilantik, terdiri daripada pegawai-pegawai masjid (imam dan bilal) dan juga pegawai-pegawai kerajaan seperti penghulu, ketua kampung, guru-guru agama dan lain-lain yang bersesuaian. Semasa berlangsungnya Majlis Penyampaian Tauliah Amil 1438 / 2017 pada 17 Mei lalu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan bahawa seramai 323 orang amil-amil zakat telah ditauliahkan sesuai dengan kehendak syarak dan peruntukan undang-undang dalam perkara mengutip zakat, iaitu 190 orang bagi Daerah Brunei Muara, 25 orang bagi Daerah Belait, 49 orang bagi Daerah Tutong dan 23 orang amil bagi Daerah Temburong. Selain itu juga terdapat 36 orang amil yang bertugas di Pejabat Majlis Ugama Islam.

Pada tahun lepas, Majlis Ugama Islam menerima sebanyak BND937,478.56 dengan pembayar seramai 332,582 orang berbanding BND931,638.97 pada tahun sebelumnya.

Adalah diharapkan pegawai dan kakitangan yang menguruskan zakat dan amil-amil yang ditauliahkan hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan tugas masing-masing sebaik mungkin menurut peraturan dan undang-undang terutama aturan dan undang-undang menurut atau didasarkan kepada hukum syarak. Dengan itu semoga amal soleh dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka itu akan mendapat ganjaran berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.



GAMBAR HIASAN... Kadar Zakat Fitrah bagi Negara Brunei Darussalam adalah berdasarkan harga dua jenis beras yang biasa dimakan di negara ini.

Syarikat Pelabuhan Muara : Kecekapan operasi pelabuhan akan dipertingkatkan

Oleh :
Kementerian Kewangan
dengan kerjasama
Meja Kandungan Khas Pelita Brunei
Terjemahan dari rencana
bahasa Inggeris oleh :
Hajah Musmariani Haji Mohamed

LEBIH 90 peratus dari perdagangan global adalah dibawa melalui laut, dan oleh itu pelabuhan adalah penting dalam menyokong perdagangan. Bekalan penting seperti bahan-bahan binaan, produk makanan dan bahan api hanya boleh disediakan melalui pelabuhan. Mereka juga menyokong industri tempatan membolehkan ekonomi berkembang melalui aktiviti import dan eksport. Dalam industri maritim yang semakin kompetitif, operasi pelabuhan yang cekap ini telah dipilih sebagai kemudahan yang maju untuk mengendalikannya semua jenis kargo, tarif yang kompetitif, penggunaan menyeluruh teknologi maklumat dan tenaga kerja yang berdedikasi. Ini akan memastikan bahawa pelanggan sentiasa disediakan dengan kualiti yang baik dan perkhidmatan yang cekap.

Penubuhan Pelabuhan Muara Sdn Bhd (MPC) baru-baru ini, sebagai pengendali baharu untuk Terminal Kontena Muara (MCT) adalah selaras dengan objektif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kecekapan terminal kontena dan keseluruhan logistik rantai nilai di negara ini. Penubuhannya akan memudahkan pertumbuhan dalam logistik dan pembuatan industri dan membuka kunci potensi Pelabuhan Muara untuk menjadi hab antarabangsa bertaraf dunia. Melalui tumpuan awal pada menaik taraf peralatan, MPC merancang untuk meningkatkan operasi pelabuhan dan meningkatkan tahap perkhidmatan pelabuhan. Ini termasuk meningkatkan kadar kren purata kasar daripada kurang daripada 20 bergerak / jam kepada 24 gerakan / jam; meningkatkan kadar terminal purata dari 20 gerakan / jam 40 bergerak / jam; mengurangkan masa berlabuh purata dari lebih daripada 16 dan setengah jam untuk 11 jam; dan mengurangkan purata masa untuk pemindahan kontena dengan treler di luar dari lebih satu jam sekarang kepada hanya 30 minit. Di samping itu, syarikat itu juga akan memberi tumpuan kepada pembukaan dan membesarkan rangkaian laluan ada, meningkatkan jumlah transit, dan secara beransur-ansur meningkatkan pengaruh Muara Port. MPC merancang untuk mengubah Port Muara sebagai hab serantau



TIMBALAN Menteri Kewangan (Pelaburan), Yang Mulia Dato Paduka Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Pengerusi Guangxi Beibu Gulf International Port Co Limit, Zhou Xiaoxi selepas melancarkan pejabat baharu untuk Syarikat Pelabuhan Muara (MPC) disaksikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian dan Setiausaha Tetap (Dasar), Kementerian Kewangan, Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

dengan menarik syarikat penghantaran antarabangsa dan membuka laluan terus ke pelabuhan-pelabuhan Asia Tenggara Cina dan lain-lain.

Semua penambahbaikan ini bersama-sama dengan pengenalan proses permohonan permit dalam talian, kelulusan automatik dan pembayaran dalam talian kewajipannya di bawah Brunei Darussalam National Single Window dan baru-baru ini Jabatan Kastam dan Eksais Diraja perkhidmatan 24/7 akan meningkatkan Kemudahan Negara Brunei Darussalam Menjalankan Perniagaan di Indeks Perdagangan Rentas Sempadan.

MPC adalah usaha sama antara Kerajaan melalui Darussalam Assets Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Corporation dan Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co Ltd ('Beibu') dari China, sebuah syarikat milik negara daripada Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang. Selain daripada pengurusan dan operasi pelabuhan, Kumpulan juga terlibat dalam logistik, industri & perdagangan, pelaburan dan hartanah. Beibu melawat Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada Perniagaan Delegasi Guangxi pada bulan

Julai 2016 dan seterusnya menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) pada bulan Ogos 2016 untuk memudahkan faedah Pelaburan Beibu ini. Pada bulan September 2016, Darussalam Aset dan Beibu menandatangani Key Term Sheet di Ekspo China-ASEAN di Nanning, China.

MPC yang secara rasmi mengambil alih Terminal Kontena Muara pada 21 Februari 2017 akan mengurus, mengendali, menyelenggara dan membangunkan terminal. Dengan pengalaman yang luas Beibu dalam operasi pelabuhan dan logistik maritim, kerjasama itu akan meningkatkan lagi Muara bukan sahaja sebagai pelabuhan antarabangsa tetapi pelabuhan sub-serantau yang berdaya saing di rantau BIMP-EAGA. Syarikat itu juga dijangka mengembangkan jumlah kargo eksport dan kargo di Muara yang dalam jangka panjang, akan memberi manfaat kepada perusahaan kecil dan sederhana di negara ini, melalui pengurangan kos logistik. MPC juga akan mengembangkan portfolionya untuk memasukkan mengurus dan mengendalikan

Terminal Konvensional Muara berdekatan sebelum akhir tahun ini membawa keseluruhan operasi di bawah MPC. Pengembangan dijangka merangsang pertumbuhan ekonomi negara dalam sektor-sektor di luar minyak dan gas dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Brunei. MPC kini menggaji 86 orang, di mana 12 pekerja kaitan pengurusan kanan dari Guangxi Beibu Gulf International Port Group dan 74 pekerja daripada pengendali sebelumnya, Perkhidmatan Terminal Kontena Muara Bar. 62 dalam kumpulan ini ialah rakyat Brunei. Apabila syarikat berkembang, ia akan berusaha untuk menambah lebih banyak pekerja tempatan dalam semua jawatan.

Rancangan jangka pendek pertengahan untuk MPC adalah untuk menaik taraf peralatan terminal kontena yang sedia ada, memperkenalkan sistem port operasi dan pentadbiran IT baru, termasuk pembinaan pintu automatik dan pelaksanaan sistem CCTV dan untuk membina sebuah terminal kontena 50,000 tan baru untuk meningkatkan kapasiti pemrosesan pelabuhan.

Dengan meningkatkan usaha Negara Brunei Darussalam untuk mempelbagaikan ekonomi dan menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI), Kumpulan Beibu juga meninjau peluang pelaburan lain untuk mewujudkan lebih banyak aktiviti industri sebagai sebahagian daripada ekosistem pelabuhan. Kumpulan merancang untuk melabur dalam pembangunan taman industri di Negara Brunei Darussalam.

Perdagangan yang dilaksanakan menggunakan pengangkutan laut akan terus menguasai aliran perdagangan global dan rantau ASEAN akan terus berkembang menyediakan peluang pelaburan dan perdagangan. Pembaharuan Pelabuhan Muara merupakan satu perkembangan yang tepat pada masanya kerana pelabuhan memainkan peranan penting sebagai pusat pengedaran barangan dan produk untuk pasaran. Pelabuhan Muara juga memainkan bahagian penting dalam rangkaian logistik dan bekalan. Oleh itu, pelabuhan yang maju sepenuhnya dan sangat berkesan bukan sahaja akan memberi manfaat kepada perniagaan tempatan tetapi juga membantu untuk mengurangkan masa dan logistik kos transit serta meningkatkan daya saing.



PEMANDANGAN dari udara Kontena Terminal Muara.

Dari minat menjadi perniagaan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Kira-kira empat tahun lalu, Dayang Raifana binti Haji Ranie, 31 ketika bercuti panjang selepas melahirkan anak sulung beliau, timbul idea di masa lapang untuk mula menjahit manik baju.

Dalam hatinya terdetik, dengan menjahit manik ia boleh menambah pendapatan beliau jika menjadikannya kerjaya sampingan.

Menurut Raifana yang lebih selesa dipanggil Rai berkata, minat beliau menjahit manik ini memang sudah sejak zaman remaja dan saya mula menjahit manik secara suka-suka semasa bercuti panjang selepas melahirkan anak sulung.

"Saya memang tidak sangka minat ini boleh menjadi perniagaan. Saya mula memuat naik gambar baju yang telah siap dijahit manik ke Instagram, di situlah ahli keluarga dan sahabat handai mula bertanya kepada saya jika saya mengambil tempahan atau tidak. Saya pun mula mengambil tempahan secara kecil-kecilan yang bermula di rumah orang tua saya di Kampung Kilanas.

Hasil kerja saya semakin diminati apabila semakin ramai pelanggan membuat tempahan melalui WhatsApp. Di situlah suami saya membantu untuk membuat laman sesawang, bagi memudahkan pelanggan membuat tempahan secara terperinci dan lebih teratur.

Tidak lama selepas itu, berkat dorongan suami dan ahli keluarga, saya kemudiannya gagahkan diri untuk membuka butik ditemani oleh 10 orang pekerja yang mempunyai minat yang sama dalam menjahit manik," ujar beliau ketika ditemui di Butik & Atelier RaiRanie milik beliau bertempat di Kampung Jangsak.

Beliau baru-baru ini telah mengadakan 'Rai Ranie Eid To Wear Collection' bertempat di salah sebuah hotel terkemuka di negara ini pada 28 Mei lalu berkata sambutan orang ramai pada hari ini adalah sangat memberangsangkan yang mana sebanyak 200 helai baju wanita dan 100 helai baju kanak-kanak telah habis dijual pada hari itu.

Ketika menyentuh mengenai

dengan tempahan hari raya, beliau telah mula menutup mengambil tempahan untuk orang ramai pada hujung bulan April lalu kerana sambutan yang sangat menggalakkan.

Mengulas mengenai dengan pasaran antarabangsa, beliau dan suaminya, Awang Haji Mohd. Dinie Zuhairi bin Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin, suatu hari berkeinginan untuk membuat kolaborasi dengan pereka fesyen luar negara.

"Cabaran utama bagi setiap usahawan adalah memberanikan diri keluar daripada zon selesa, begitu juga yang dihadapi Rai dan Dinie. Disebabkan masih agak baru di bidang industri ini, mereka kadangkala rasa gementar untuk melakukan sasaran yang agak tinggi.

Apa-apa pun semuanya bermula dari minat dan melayan pelanggan dengan ramah, selain dapat memberikan apa yang dimahukan oleh pelanggan," terang Rai.

Semoga usahawan ini terus berjaya dalam melalui perjalanan penuh cabaran dan berliku ini. Tidak mustahil jenama RaiRanie bakal menandingi jenama-jenama fesyen yang dikenali dunia.



DAYANG Raifana binti Haji Ranie bersama suami beliau, Awang Haji Mohd. Dinie Zuhairi bin Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Haji Hasrin telah berjaya menjalankan butik beliau yang bernama Butik & Atelier RaiRanie.

Ekspo Ramadan sediakan pelbagai keperluan lebaran



SUASANA Ekspo Ramadan Al-Mubarak 2017 kini sedang diadakan di Dewan BRIDEX Hall 2, Jerudong.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osma

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Ekspo Ramadan Al-Mubarak 2017 kini sedang diadakan di Negara Brunei Darussalam bermula 8 hingga 14 Jun ini.

Acara anjuran Pulseline Management Services dan disokong oleh Songket Wedding ini mengambil tempat di Dewan BRIDEX Hall 2, Jerudong, di sini.

Ekspo Ramadan Al-Mubarak 2017 dibukakan kepada orang ramai bermula jam 10.00 pagi hingga 11.00 malam.

Sebanyak 102 pameran terdiri daripada butik-butik serta jenama-jenama, mengambil tempat petak-petak jualan yang kebanyakannya membawakan pakaian-pakaian persiapan bagi menjelang hari lebaran nanti.

Di samping menyediakan bermacam-macam jenis pakaian dan juga saiz bagi cita rasa pelanggan-pelanggan semua, Ekspo

Ramadan Al-Mubarak 2017 juga mendatangkan artis-artis terkenal dari Malaysia seperti Dato' Awie, Umie Aida, Siti Elizad, Erra Fazira, Nur Fazura, Izzue Islam dan banyak lagi.

Objektif Ekspo Ramadan Al-Mubarak 2017, adalah untuk memberi peluang kepada penduduk Negara Brunei Darussalam untuk membeli belah di negara sendiri dan tanpa perlu meluang masa, tenaga dan kos ke Malaysia bagi mendapatkan produk-produk Malaysia yang sebelum ini memerlukan kita untuk mengunjungi butik-butik mereka di Malaysia.

Acara ini juga dihasratkan bagi pelanggan yang ingin membuat persiapan awal Hari Raya Aidilfitri nanti dan secara tidak langsung juga dapat menolong usahawan tempatan.

Dayang Noor Amal Wahidiah @ Norazura binti Abdul Rahim / Aminorrahim selaku Penasihat

Produk di Oudh Al Aswad ketika ditemui menjelaskan, Oudh Al Aswad menyediakan pelbagai minyak wangi yang diproses dari minyak kayu gaharu di mana kesemua minyak wangi yang ada di Oudh Al Aswad terkandung kayu gaharu.

Menurutnya, minyak wangi buatan tempatan ini mampu menarik ramai pelanggan dengan keistimewaan yang dapat diperolehi dari kayu gaharu di samping ketahanan haruman yang berpanjangan dan boleh dipakai ketika solat.

Manakala Dayang Najihah Nur Fasiah binti Haji Abu Yamin selaku Pembantu Jualan di Butik Noor Adlina pula menjelaskan, Butik Noor Adlina mula ditubuhkan sejak tahun 2015 di mana butik ini giat menyertai ekspo-ekspo yang diadakan di Brunei Darussalam.

Jelasnya, butik mereka menyediakan jubah seperti Cape Blouse, Bat Wing bagi dewasa serta kanak-kanak dan sebagainya yang menawarkan pakaian berkualiti dengan harga yang berpatutan.

Ekspo Bazar Istimewa Hari Raya

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Ramadan kini kian menghampiri penghujungnya dan lebaran Syawal pula muncul bagi sekalian umat Islam meraikan hari kemenangan tidak lama lagi.

Dalam menyediakan kemudahan atau keperluan Aidilfitri itu nanti, beberapa agensi juga tidak ketinggalan mengadakan bazar atau ekspo bagi kunjungan orang ramai untuk persediaan Syawal nanti.

Di antaranya ialah ekspo yang diadakan di kawasan letak kereta berhadapan Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja di ibu negara.

Bazar Istimewa Sempena Hari Raya yang mula dibukakan sejak 8 Jun lalu itu menyediakan petak-petak untuk jualan seperti baju-baju kurung dewasa dan kanak-kanak, aksesori, makanan kering, perhiasan dalaman rumah dan juga barangan elektronik.

Dalam pada itu, Pelita Brunei sempat menemu bual sepasang suami isteri berasal dari Kampung Kota Batu, Awang Mahathir bin Haji Ahmad dan Dayang Nurhamizah binti Haji Salleh.

Mereka berpendapat lokasi bazar itu amat strategik kerana berada dalam satu kawasan bersebelahan dengan gerai Ramadan.

Selain daripada itu, kemudahan lain termasuk dari segi letak kereta dan suasana bazar yang agak selesa untuk para pengunjung amat bertepatan sekali.




PASANGAN suami isteri, Awang Mahathir bin Haji Ahmad dan Dayang Nurhamizah binti Haji Salleh berpendapat lokasi bazar itu amat strategik kerana berada dalam satu kawasan bersebelahan dengan gerai Ramadan.

Sungkai bersama eratkan silaturahmi



Majlis diselenggarakan dengan bersungkai bersama-sama anak yatim dan Sembahyang Maghrib Berjemaah.



BELIA Masjid Ash-Shaliheen dengan kerjasama Takmir Masjid Ash-Shaliheen dan Kumpulan Biro Wanita Mukim Berakas 'A' buat julung kalinya mengadakan Majlis Sungkai Bersama Anak-Anak Yatim.

Berita dan Foto : Ihsan Belia Masjid Ash-Shaliheen

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Jun. - Bagi memeriahkan dan memberkati bulan Ramadan tahun ini, Belia Masjid Ash-Shaliheen dengan kerjasama Takmir Masjid Ash-Shaliheen dan Kumpulan Biro Wanita Mukim Berakas 'A' buat julung kalinya

mengadakan Majlis Sungkai Bersama Anak-Anak Yatim.

Menurut Siaran Akhbar Belia Masjid Ash-Shaliheen, seramai 31 anak yatim telah diundang untuk memeriahkan majlis dan mereka ditemani oleh ahli keluarga. Tujuan majlis ini diung-

kayahkan adalah untuk sama-sama meraikan dan mengeratkan lagi silaturahmi dengan anak-anak yatim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan tilawah bacaan Surah Ad-Dhuha oleh ahli Belia Masjid Ash-Shaliheen.

Sejurus itu, penyampaian hadiah dan sumbangan untuk anak-anak yatim disampaikan oleh Ketua Imam Masjid Ash-Shaliheen, Awang Anuar bin Haji Salim yang diiringi

bersama oleh Timbalan Ketua Belia Masjid Ash-Shaliheen, Awang Rahim bin Suany.

Antara atur cara lain ialah ceramah Kuliah Ramadan bertajuk 'Mikraj Cinta (Doa)' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Dr. Andas Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Majlis kemudian disusuli dengan bersungkai bersama-sama anak yatim dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Mewakili Belia Masjid

Ash-Shaliheen, Awang Muhd. Danial bin Ramadhan berharap majlis tersebut akan dapat memberikan motivasi kepada yang hadir dan sesiapa saja di luar sana agar dapat melakukan amal bukan sahaja di bulan Ramadan, malah di bulan-bulan lain.

Tambah beliau lagi, sesuatu pemberian itu, sebelum ia bermanfaat kepada si penerima, ia bermanfaat kepada si pemberi InsyaaAllah.

Dua produk kosmetik dicemari Merkuri



DNARS Sunny Cream - Sensitif yang tidak dinyatakan pengilangnya yang dicemari dengan Merkuri (kiri) dan GLOW Skin White French Technology di bawah pengilang Ueropack Laboratories, PARIS, France yang dicemari dengan Merkuri (kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 Jun. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan dua produk kosmetik yang mana hasil dari ujian makmal Perkhidmatan Makmal Farmasi, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk-produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang yang tidak diisytiharkan.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, produk berkenaan adalah Dnars Sunny Cream - Sensitif yang tidak dinyatakan pengilangnya dicemari dengan Merkuri dan Glow Skin White French Technology di bawah pengilang Ueropack Laboratories, PARIS, France yang juga dicemari dengan Merkuri.

Bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Merkuri adalah bahan yang dilarang dalam produk kosmetik seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007.

Penggunaan merkuri di dalam produk kosmetik adalah dilarang kerana ia boleh memudaratkan kesihatan. Tahap merkuri yang tinggi atau pendedahan yang kerap boleh menyebabkan kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Anak damit dan kanak-kanak kecil boleh terdedah dengan kesan sampingan dari pengguna yang boleh mengganggu

perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau anak damit yang belum dilahirkan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan/atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau menggunakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta-merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas penggunaan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam

penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan

Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan, dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000 penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan melalui telefon +673 2384182, menghantar e-mel kepada health.regulations@moh.gov.bn

atau berjumpa terus Pegawai Penguatkuasaan di Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan, Tingkat 1, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi sebarang pertanyaan lanjut.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'SELAMATKAN NYAWA DENGAN MENDERMA DARAH'

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.